

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEKERAPAN LAWATAN PENGUNJUNG KE

MUZIUM NEGERI TERENGGANU

ASMA' BINTI WAN MOHD SIS

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

UNIVERSITI

2023

MALAYSIA

KELANTAN



**UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN**

**Faktor Yang Mempengaruhi Kekerapan Lawatan Pengunjung Ke Muzium Negeri  
Terengganu**

**Oleh**

**Asma' Binti Wan Mohd Sis**

Projek Penyelidikan yang dikemukakan ini untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana

Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**UNIVERSITI**

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**MALAYSIA**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**KELANTAN**

**2023**

## SURAT AKUAN-WAJIB ISI DAN TANDATANGAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam laporan ini telah dijalankan dengan peraturan Universiti Malaysia Kelantan. Laporan ini merupakan asal dan hasil kerja saya sendiri, melainkan menunjukkan atau pengakuan kerja sebagai rujukan bukan akademik bagi apa-apa kelayakan lain.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972).

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan).

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian saya.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



(Tanda tangan pelajar)

Nama: ASMA' BINTI WAN MOHD SIS

Tarikh: 23 Februari 2023

Disediakan oleh:



DR. SURAYA SUKRI  
Senior Lecturer  
Department of Heritage Studies  
Faculty of Creative Technology and Heritage  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)  
15300, Kelantan, Malaysia

(Tanda tangan penyelia)

Nama: DR SURAYA BINTI SUKRI

Tarikh: 2/3/2023

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Allah S.W.T. atas limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan, dengan ini saya dapat menyiapkan projek penyelidikan I ini dengan jayanya. Tambahan pula, projek penyelidikan I ini adalah salah satu syarat untuk saya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan di Universiti Malaysia Kelantan bagi sesi 2023 ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin menyampaikan jutaan terima kasih kepada Dr. Suraya Binti Sukri selaku penyelia projek penyelidikan I. Beliau telah banyak memberi dorongan dan tidak pernah putus asa untuk membantu saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Segala penat Lelah dan tunjuk ajar oleh beliau dalam sepanjang menyelesaikan kajian ini amatlah saya hargai. Semoga Allah S.W.T. melimpahkan keberkatan kepada beliau.

Seterusnya, saya amat bersyukur kerana dapat menyelesaikan tugas Projek Penyelidikan I dalam tempoh yang telah ditetapkan. Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada bapa saya iaitu Wan Mohd Sis Bin Salleh dan arwah ibu saya isitu Meriam Binti Mohamed dan juga ibu tiri saya iaitu Mazlina Binti Ismail serta ahli keluarga yang turut memberi semangat dan membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa kepada rakan seperjuangan kajian yang banyak memberi idea dan berkongsi pendapat berdasarkan kajian serta memberi komitmen yang memberangsangkan dalam menyiapkan projek kajian ini.

Akhir kata, saya juga ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada semua penarah dan pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

## ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii,iv,v
SENARAI RAJAH	vi
SENARAI JADUAL	vi - viii
ABSTRAK	ix
ABSTRACT	x
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1,2
1.1 Latar Belakang Kajian	2,3
1.2 Permasalahan Kajian	4,5
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7,8
1.6 Kepentingan Kajian	9,10
1.7 Penutup	10
BAB 2 SOROTAN KAJIAN	
2.0 PENGENALAN	11
2.1 Muzium	11,12
2.1.1 Muzium Negeri Terengganu	13 - 14
2.1.2 Muzium dan Pelancongan	15,16
2.1.3 Pengunjung	16, 17
2.1.4 Kategori Lawatan	17 - 19
2.1.5 Faktor Lawatan	20, 21
2.2 Kerangka Teori	21, 22
2.3 Penutup	22

## BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan	23
3.1 Pendekatan Kajian	24
3.2 Reka Bentuk Kajian	24
3.2.1 Kaedah Kuantitatif	25
3.3 Kaedah Kajian	25
3.4 Unit Analisis	26
3.5 Teknik Pengumpulan Data	27
3.5.1 Data Primer	27,28
3.5.2 Data Sekunder	28, 29
3.6 Pensampelan	29
3.7 Instrumen Data	30
3.8 Analisis Data	30, 31
3.9 Penutup	31

## BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	32
4.1 Latar Belakang Pelawat	33 - 48
4.2 Kategori Pelawat	49
4.2.1 Peneroka	49 - 54
4.2.2 Fasilitator	54 – 59
4.2.3 Pencari Pengalaman	59 - 64
4.2.4 Profesional	64 - 69
4.2.5 Pengecasan Semula	69 - 74
4.3 Faktor Ke kerap an Lawatan	75
4.3.1 Bahagian manakah yang menarik minat anda ke Muzium Negeri Terengganu	75, 76
4.3.2 Pameran di Muzium Negeri Terengganu mengikut peredaran zaman	77
4.3.3 Adakah ruang di dalam Muzium Negeri Terengganu besar dan selesa	78
4.3.4 Pameran ini meluaskan pengetahuan	79

4.3.5 Kunjungan penuh dengan aktiviti yang berfaedah	80
4.3.6 Maklumat tentang sesuatu pameran memuaskan	81
4.3.7 Kakitangan Muzium Negeri Terengganu mesra	82, 83
4.3.8 Kunjungan berbaloi dengan wang yang dibelanjakan	83, 84
4.3.9 Susun atur pameran yang mudah difahami	84
4.3.10 Maklumat pada setiap sudut mudah difahami	85, 86
4.4 Refleksi pengunjung	86 - 89
4.5 Penutup	88
<b>BAB LIMA CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.0 Pengenalan	89 - 91
5.1 Cadangan	92 - 93
5.2 Penutup	94
<b>RUJUKAN</b>	<b>95 -96</b>
<b>APPENDIX A</b>	<b>97</b>
<b>APPENDIX B</b>	<b>98</b>
<b>APPENDIX C</b>	<b>99 - 108</b>

## SENARAI RAJAH

NO	RAJAH	HALAMAN
1.5	Peta Muzium Negeri Terengganu	7
1.5	Muzium Negeri Terengganu	7

## SENARAI JADUAL

NO	JADUAL	HALAMAN
4.1	Taburan Responden Mengikut Umur	33
4.2	Taburan Responden Mengikut Jantina	34
4.3	Taburan Responden Menunjukkan Status Pengunjung	35
4.4	Taburan Responden Menunjukkan Bangsa	36
4.5	Taburan Menunjukkan Bagi Setiap Negeri	37
4.6	Taburan Tahap Pendidikan Pengunjung	39
4.7	Taburan Pekerjaan Setiap Pengunjung	40
4.8	Adakah Anda Pernah Mengunjungi Muzium Negeri Terengganu	41
4.9	Berapa Kalikah Anda Pernah Mengunjungi Muzium Negeri Terengganu	42
4.10	Dengan Siapakah Anda Mengunjungi Muzium Negeri Terengganu	43
4.11	Jenis Pengangkutan Anda Ke Muzium Negeri Terengganu	45
4.12	Bagaimanakah Anda Mengetahui Tentang Muzium Negeri Terengganu	46
4.13	Adalah Anda Berpuas Hati Tentang Maklumat Disetiap Galeri	47
4.14	Adakah Muzium Negeri Terengganu Ini Memberi Manfaat Kepada Pengunjung	48
4.15	Saya Berminat Menjelajah Koleksi Dalam Muzium Negeri Terengganu	49
4.16	Saya Berminat Melihat Koleksi Yang Dipamerkan	50
4.17	Saya Ke Muzium Negeri Terengganu Kerana Ingin	



	Mengetahui Koleksi Yang Terdapat Di Muzium	51
4.18	Saya Hanya Suka Membaca Label Dan	
	Meluangkan Masa Saya Dalam Pameran Sahaja	52
4.19	Saya Ke Muzium Kerana Saya Suka Akan Suasana Di Dalam Muzium	53
4.20	Saya Membawa Anak-Anak Ke Muzium Untuk Menyiapkan Kerja Sekolah	54
4.21	Saya Suka Membawa Kawan-Kawan Saya Ke Muzium	55
4.22	Saya Membawa Lawatan Sekolah Ke Muzium	
	Untuk Para Pelajar Lebih Mengetahui Tentang Artifak	56
4.23	Saya Membawa Anak-Anak Untuk Mencari	
	Pengalaman Baru Di Muzium	57
4.24	Saya Membawa Pelajar Kerana Terdapat Pelbagai Aktiviti Di Muzium	58
4.25	Saya Melawati Muzium Untuk Mencari Pengalaman Baru	59
4.2	Saya Suka Menghabiskan Masa Dan Tenaga	
	Saya Untuk Melihat Pameran Di Muzium	60
4.27	Saya Suka Melakukan Aktiviti Semasa Berada Di Muzium	61
4.28	Saya Suka Mengambil Gambar Di Muzium	62
4.29	Saya Fokus Kepada Sesetengah Koleksi Yang Menarik Perhatian Saya Sahaja	63
4.30	Saya Ke Muzium Kerana Muzium Mempunyai	
	Kaitan Dengan Bidang Pengajian Saya	64
4.31	Saya Ke Muzium Untuk Ingin Belajar Lebih Mendalam Tentang Koleksi Yang Dipamerkan	65
4.32	Saya Ke Muzium Kerana Mempelajari Dan Mencari Jawapan Dalam Soalan Yang Ditugaskan	66
4.33	Saya Ke Muzium Kerana Mempunyai Idea Tentang Sesuatu Koleksi	67
4.34	Saya Ke Muzium Kerana Ingin Menyiapkan Kajian Lapangan Saya	68
4.35	Saya Melawat Muzium Disebabkan Ingin Ketenangan Minda	69
4.36	Saya Melawati Muzium Kerana Cara Susunan Objek Yang Menenangkan Saya	70
4.37	Saya Melawati Muzium Kerana Ingin Menghabiskan Masa Di Cafe Muzium	71

4.38	Saya Selalu Duduk Dan Meluangkan Masa Saya Di Galeri	72
4.39	Saya Tidak Membaca Label Tetapi Saya Menghasilkan	
	Masa Hanya Melihat Koleksi Yang Dipamerkan	73
4.40	Bahagian Manakah Yang Menarik Minat Anda Ke Muzium Negeri Terengganu	75
4.41	Pameran Di Muzium Negeri Terengganu Mengikut Peredaran Zaman	77
4.42	Adakah Ruang Di Dalam Muzium Negeri Terengganu Besar Dan Selesa	78
4.43	Pameran Ini Meluaskan Pengetahuan Saya	79
4.44	Kunjungan Penuh Dengan Aktiviti Yang Berfaedah	80
4.45	Maklumat Tentang Sesuatu Pameran Memuaskan Saya	81
4.46	Kakitangan Muzium Negeri Terengganu Mesra	82
4.47	Kunjungan Berbaloi Dengan Wang Yang Dibelanjakan	83
4.48	Susun Atur Pameran Yang Mudah Difahami	84
4.49	Maklumat Pada Setiap Sudut Mudah Difahami	85
4.50	Adakah Anda Bercadang Untuk Melawati Muzium	
	Negeri Terengganu Lagi Pada Masa Akan Datang	86
4.51	Adakah Anda Akan Mencadangkan Muzium Negeri Terengganu Kepada Keluarga Dan Rakan	87
4.52	Adakah Muzium Negeri Terengganu Memberi Pembelajaran Yang Meluas Kepada Anda	88

## **Faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu**

### **ABSTRAK**

Kajian ini menumpukan kepada faktor kekerapan pengunjung ke Muzium Negeri Terengganu. Kajian ini memfokuskan latar belakang pelawat, kategori pelawat dan faktor kekerapan pengunjung yang berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu. Objektif utama kajian ini adalah menganalisis faktor kekerapan pengunjung yang berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu. Kajian ini perlu kerana dapat memberi pendedahan pengetahuan kepada masyarakat dan muzium. Hal ini juga dapat melihat cara pihak muzium mempromosikan kepada masyarakat dari pelbagai negeri. Kajian ini berbentuk kuantitatif yang bersumberkan sumber primer. Daripada kajian yang telah dilakukan mendapati kategori pelawat yang paling tinggi adalah peneroka. Daripada kajian yang telah dilakukan mendapati bahawa faktor kekerapan lawatan ke Muzium Negeri Terengganu adalah bahagian pameran yang menarik terutamanya di bahagian Galeri Sejarah dan kebanyakan pelawat berpuas hati dengan pameran yang dipamerkan oleh pihak muzium. Oleh itu, kaedah-kaedah ini membuktikan Muzium Negeri Terengganu mempunyaitarikkan sendiri untuk menarik pengunjung ke Muzium Negeri Terengganu.

**Kata Kunci:** Kekerapan lawatan, Muzium Negeri Terengganu, Kategori pelawat, Kuantitatif

## **Factors affecting the frequency of tourist visitation to the Terengganu state museum**

### **ABSTRACT**

This study focuses on the factors affecting the frequency of tourist visitations to the Terengganu State Museum. It is due to the fact that frequent visitation can lead to an understanding of a good service by the museum managements. Hence, this study focuses on visitor background, visitor categories and frequency of visitation to the Terengganu State Museum. The main objective of this study is to analyse the frequency of visitation to the Terengganu State Museum. This study is important because it can provide knowledge regarding the visitor's and the museum's need. This research used quantitative research using survey through simple random sampling techniques and the population were sampled using table Krejcie Morgan. Research shows that the highest category of visitors are the "explorer" types. From the research, it was found that the visitors enjoy the history section in the museum and majority of the respondent are satisfied with the exhibition displayed by the museum. This research has proven that the Terengganu State Museum has its own attraction to attract visitors to the Terengganu State Museum

**Keywords:** Frequency of visits, Terengganu State Museum, Category of visitors, Qualitative

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 PENGENALAN**

Persaingan yang semakin meningkat di kalangan industri pelancongan yang menonjolkan nilai kekerapan lawatan, dan disebabkan itu lawatan berulang memberi keuntungan serta pembangunan industri yang lebih kukuh. Oleh kerana itu kebanyakan industri pelancongan menyasarkan beberapa pasaran secara serentak, ianya untuk memahami setiap pasaran berkaitan tingkah laku kesetiaan dalam usaha untuk meningkatkan kecenderungan untuk mengulangi lawatan. Hal ini melalui khususnya tindakan pemasaran yang disarankan dan untuk menambah baik keseluruhan pengurusan sesuatu industri (McKercher, 1995).

Pelancongan budaya selalunya dirujuk sebagai salah satu yang paling berkembang dan menyumbang pada masa kini kira-kira dalam 40% daripada pergerakan pelancong antarabangsa. Kepentingan pasaran ini mewajarkan usaha dalam meneliti ciri, tingkah laku dan motivasinya. Walau bagaimanapun, kekerapan lawatan pasaran ini masih belum mendapat banyak perhatian. Memandangkan pelancong budaya cenderung didorong oleh motif pendidikan dan mencari pembaharuan lain (Richards, 2007).

Maksud muzium adalah bangunan atau tempat kompleks dimana objek yang mempamerkan kegiatan seni, sejarah, sains dan sebagainya perlu di pameran di muzium atas tujuan pembelajaran (M. A. H. Zulkifli, 2017). Muzium meruapakan bangunan yang menjadi tempat penyimpan khazanah sejarah lama negara kita. Muzium juga penting sebagai tempat kita mencari rujukan sekiranya kita ingin mengkaji tentang sejarah lampau

di negara kita mahupun luar negara (The Museumers, 2012). Muzium merupakan institusi khas untuk mengekalkan jenis warisan sejarah yang boleh kita banggakan dalam sesebuah kelompok masyarakat (Farid et al., 2020).

## 1.1 LATAR BELAKANG

Perkataan asal 'Muzium' yang telah diguna pada sekarang adalah diambil daripada perkataan daripada "Bahasa Inggeris". Bagaimanapun 'Museum' dalam "Bahasa Inggeris" berasal dari perkataan Yunani 'Mouseion' yang membawa maksud rumah suci 'Muse' iaitu tuhan ataupun kumpulan sembilan dewi lambang ilmu dan seni. Latar belakang kajian ini adalah berkenaan dengan faktor yang mempengaruhi kekerapan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu (Zainol, n.d.). Mengikut Abu Talib Ahmad (2012), muzium Malaysia mula berkembang dengan meluas. Pada awalnya hanya tiga buah muzium sahaja yang telah diperkenalkan oleh British dan telah dikembangkan pada zaman selepas kemerdekaan dan pada awal tahun 2013 dan telah mempunyai 189 muzium telah ditubuhkan (Zainol, 2021).

Menurut *International Council of Museums (ICOM)* pada Mesyuarat Agung pada tahun 1974 telah mendefinisi muzium sebagai.....

"Institusi muzium adalah bersifat tetap, tidak mencari keuntungan kepadanya, memberi perkhidmat kepada masyarakat dan perkembangannya, terbuka secara umum, memperoleh, merawat koleksi, menghubungkan dan mempamerkan untuk tujuan pembelajaran individu, pendidikan dan sebagai hiburan, bukti-bukti tinggalan manusia zaman dahulu dan persekitarannya"

Muzium merupakan salah satu usaha untuk mempertahankan khazanah warisan Malaysia dan budaya di negara kita. Koleksi ini sangat bernilai untuk menjadi bukti

berlakunya peristiwa atau sejarah yang lampau yang telah terjadi di negara kita terdahulu. Pelbagai kajian yang dijalankan dan penulisan telah didokumentasikan bagi tujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kepada semua individu untuk dapat mendalam dan dapat memahami jati diri sendiri (Farid et al., 2019).

Manakala latar belakang bagi Muzium Negeri Terengganu ditubuhkan pada tahun 1976 di bawah Enakmen Bil. 9 Tahun 1976. Malah penubuhan ini telahpun diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 28 Disember 1976 dan telah berkuatkuasa pada 1 November 1977. Muzium Terengganu telah dikatakan muzium yang paling besar di Asia Tenggara dan ianya telah dibina diatas tanah yang berkeluasan ialah 27 hektar di Bukit Losong, Kuala Terengganu. Manakala jarak untuk perjalanan ke Pusat Bandar Kuala Terengganu enam kilometer ke Muzium Negeri Terengganu (A. R. Zulkifli, n.d.).

Muzium Negeri Terengganu ini telahpun dirasmikan oleh Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada tarikh 20 April 1996. Bangunan muzium ini terdiri daripada empat buah blok bangunan iaitu Muzium Utama, Muzium Maritim, lima buah Rumah Tradisional serta kawasan landskap. Pada Muzium utama, memperolehi galeri yang mempamer tekstil, seni anyaman, seni islam, perkembangan petroleum, senjata tradisional, dan lain-lain lagi (Ain et al., n.d.).

UNIVERSITI  
MALAYSIA

KELANTAN

## 1.2 PEMASALAHAN

Pada musim serangan pandemik Covid 19, pihak muzium telah mengalami kerugian yang sangat besar. Hal ini kerana pihak muzium terpaksa mengehadkan jumlah pengunjung seramai 200 orang sahaja dalam satu masa. Hal ini terbukti mereka mengalami kerugian yang besar kerana pihak muzium telah mengkaji bahawa peningkatan pelancong dalam dan luar negeri akan meningkat lebih-lebih lagi pada hujung minggu. Pihak mereka juga telah menetapkan had umur 13 tahun hingga 60 tahun sahaja yang dibenarkan masuk ke muzium (A. R. Zulkifli).

Selain itu, kekerapan lawatan juga boleh mempengaruhi faktor kewangan kepada pengunjung untuk ke muzium. Hal ini kerana pengunjung perlu mengeluarkan kos kewangan yang besar untuk perjalanan, makanan dan penginapan ke Muzium Terengganu. Sebagai contoh yang mudah kita lihat adalah tiket untuk masuk ke muzium yang mahal dan perlu membayar tambang lebih. Tambahan pula untuk pengunjung yang mengunjungi muzium bersama keluarga lebih banyak mengeluarkan modal. Oleh itu kajian, berkaitan tentang kekerapan lawatan dapat membantu pihak pengurusan muzium mengkaji semula atau meramalkan faktor yang menjadi penyebab berlakunya kekerapan atau tidak berlaku kekerapan lawatan ke muzium. Justeru itu, hal ini juga dapat membantu pihak muzium menambahbaik mutu perkhidmatan mereka bagi menambah bilangan pelawat ke muzium Negeri Terengganu.

Seterusnya, kajian tentang kekerapan lawatan dapat membantu pengurusan muzium memahami lebih mendalam tentang demografi pelawat yang berkunjung, kehendak pelawat yang hadir, dan adakah mereka membayangkan pihak pengurusan muzium akan menyediakan servis yang terbaik dengan kehendak demografi pelawat ke muzium Negeri Terengganu.



Kekerapan lawatan juga akan menyebabkan artifak mengalami kemerosotan, dari segi perubahan warna yang akan bertukar menjadi warna yang berlainan. Artifak yang perlu dipamerkan hanya memerlukan cahaya yang sedikit sahaja. Jika ramai pengunjung objek tersebut tidak direhatkan dengan secukupnya. Hal ini kerana semua artifak hendaklah dipaparkan pada jadual tugas berputar. Artifak perlu dipaparkan beberapa bulan kemudian di rehatkan beberapa tahun di dalam suasana yang gelap untuk memangjangkan hayatnya (Ahmad Zainudin, n.d.).

### 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat persoalan telah dinyatakan untuk pengkaji mencapai objektif yang telah ditepatan dengan tajuk kajian. Beberapa persoalan kajian iaitu:

1. Apakah latar belakang pelawat yang berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu?
2. Bagaimanakah kategori pelawat yang berkunjung ke Muzium Terengganu?
3. Apakah faktor kekerapan pengunjung melawat ke Muzium Terengganu?


### 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mencapai matlamat dalam kajian ini, sebanyak tiga objektif telah dibentuk.

Dibawah adalah antara objektif di dalam kajian ini:

1. Mengenalpasti latar belakang pelawat yang berkunjung ke muzium negeri Terengganu.
2. Mengkaji kategori pelawat yang berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu.
3. Menganalisis faktor kekerapan lawatan pengunjung ke Muzium Negeri Terengganu.

## 1.5 SKOP KAJIAN



Gambar 1.1: Peta Muzium Terengganu

Sumber: Google Maps, 2022 (Maps, 2022)



Gambar 1.2: Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Pelancongan Terengganu(Imej, 2010)

Skop kajian yang telah dipilih adalah Muzium Negeri Terengganu terletak di Kuala Terengganu. Seperti yang terdapat pada gambar diatas Muzium Negeri Terengganu berada di Bukit Losong, 20566 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman. Muzium Negeri Terengganu telah dibina sekitar tahun 1976 hingga 1984. Muzium Negeri Terengganu telah dirasmikan pada 20 April 1996 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Mahmud Al Mukhtafi Billah Shah iaitu Siltan Terengganu yang ke-15. Muzium Negeri Terengganu ini juga terletak berhampiran dengan Kampung Budaya Terengganu dan Bazar Muzium (Pasar Malam). Hal ini juga dapat menarik pengunjung untuk ke muzium tersebut. Tapak kajian yang dijalankan ini berada di sekitar tempat-tempat yang menarik dan menjadi tumpuan lokasi orang ramai (Zainol, n.d.).

Kajian ini akan lebih tertumpu kepada beberapa jenis responden yang hadir ke muzium Negeri Terengganu. Pengkaji akan menyebarkan borong soal selidik kepada orang awam. Bukan itu sahaja, kajian ini juga akan tertumpu kepada pihak pengurusan muzium Negeri Terengganu tentang cara mereka menguruskan pengunjung yang berkunjung ke muzium tersebut. Tambahan pula untuk kajian ini tidak hanya menghadkan umur untuk menjadi responden tetapi seara umum dan berdasarkan pengunjung di muzium Negeri Terengganu. Oleh itu, kajian ini dapat menghasilkan kategori pelawat yang hendak dikaji dan faktor kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kepentingan kajian dalam faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu telah membawa kepentingan kepada pelbagai aspek dari segi seperti kepada individu, masyarakat, institusi Pendidikan, dan kepada muzium.

### i) Individu

Kajian yang dijalankan ini penting kepada setiap individu untuk menjadikan sumber rujukan mengenai faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu. Hal ini dikatakan demikian dapat memberi pendedahan maklumat awal kepada individu mengenai punca berlakunya kekerapan lawatan ke muzium Negeri Terengganu. Manakala kajian ini juga telah memberi inspirasi kepada individu bagi mengkaji kekerapan lawatan dengan lebih mendalam.

### ii) Masyarakat

Kepentingan kajian kepada masyarakat adalah memberi kesedaran dan inspirasi kepada masyarakat pada hari ini. Oleh itu, lebih ramai pelawat akan ke muzium Negeri Terengganu kerana banyak pendedahan yang boleh dipelajari. Hal ini terbukti apabila berlakunya kekerapan lawatan ke muzium.

### iii) Pendidikan

Kajian ini juga akan melahirkan mahasiswa yang berjaya menghasilkan kajian yang sangat berkualiti tinggi. Oleh itu, hal ini dapat membuka lagi pelajar-pelajar lain untuk menghasilkan kajian yang terbaik. Bukan sahaja

Universiti Malaysia Kelantan malah Universiti lain juga turut melakukan kajian yang lebih mendalam mengenai kekerapan lawatan ini.

iv) Muzium

Muzium memainkan peranan penting dalam mempamerkan koleksi-koleksi kepada pengunjung. Pengunjung dapat mengetahui lebih mendalam tentang keunikan Muzium Negeri Terengganu tersebut. Jika promosi Muzium Negeri Terengganu dijalankan dengan lebih efektif, para pengunjung akan lebih ramai yang akan berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu. Oleh itu, keberkesanan penyampaian maklumat oleh pihak pengurusan muzium akan memberi kesan yang positif kepada pengunjung yang mengunjungi muzium Terengganu tersebut (Mustafa, 2015).

## 1.7 PENUTUP

Kesimpulannya, didalam bab satu ini, pengkaji telah menjelaskan secara keseluruhan tentang kajian yang hendak dilakukan iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu. Di dalam bab ini juga pengkaji akan menceritakan tentang muzium secara umum dan apa yang hendak dikaji di muzium Negeri Terengganu tersebut dan matlamat yang hendak disampaikan. Selain itu, objektif kajian yang dibincangkan adalah untuk mencapai matlamat utama di dalam sesebuah kajian ini dan permasalahan yang terdapat dalam penyelidikan ini bagi membangkitkan isu bagi menjalankan kajian ini. Di dalam kajian ini juga mengandungi permasalahan persoalan kajian, skop kajian, dan kepentingan kajian yang dijalankan.

## BAB DUA

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 PENGENALAN

Di dalam bab ini, akan menjelaskan berkaitan dengan sorotan kajian lepas dan merupakan bab yang penting untuk membuat rujukan atau sebagai panduan utama untuk menghasilkan kajian. Bab kajian yang terdahulu berkenaan Muzium Negeri Terengganu dan faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan ke muzium Negeri Terengganu.

#### 2.1 Muzium

Definisi muzium di mesyuarat agong yang dijalankan pada tahun 1974 telah menggariskan muzium sebagai institusi yang bersifat tidak memperolehi keuntungan dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat ataupun negara. Muzium merupakan bangunan yang menjadi tempat penyimpanan pelbagai khazanah warisan sejarah dan budaya dalam setiap negara.

Pada masa kini institusi muzium berkembang pesat dengan adanya jumlah muzium yang telah bertambah. Hal ini kemungkinan disebabkan kesedaran masyarakat tentang fungsi dan peranan muzium kini yang dilihat semakin mencabar dalam ke arah lebih kemajuan dan globalisasi. Hal ini boleh dikatakan negeri mempunyai muzium masing-masing. Ada juga dalam satu negeri mempunyai tiga muzium. Di sini terbukti bahawa pentingnya tugas yang perlu dimainkan oleh pihak pengurusan muzium, pentadbiran, dan memperkembangkan muzium (Mustafa, 2015).

Pada asalnya muzium ditubuhkan hanya berfungsi mengumpul koleksi-koleksi yang unik dan sangat bermanfaat sebagai simbol kekayaan dan status sosial sahaja.

Tambahan pula, golongan yang paling gemar mengumpul koleksi yang unik dan berharga ini adalah seperti golongan istana, ahli-ahli gereja (terutamanya paderi) dan golongan bangsawan (Farid et al., 2020).

Istilah muzium adalah sebuah bangunan yang menyimpan barang lama. Walaubagaimanapun, kefahaman ini telah mengalami anjakan paradigma apabila ramai golongan ilmuan melihat muzium sebagai satu pusat ilmu yang mempunyai keunikan yang tersendiri. Secara hakikatnya, *International Council of Museum* (ICOM) sentiasa menyemak dan mengemaskini definisi pada muzium sejak ditubuhkan pada tahun 1946. Manakala pada tahun 1956, pertubuhan tersebut mendefinisikan muzium sebagai institusi yang kekal, memelihara dan mempamerkan koleksi sebagai kajian, pendidikan, dan hiburan. manakala UNESCO merupakan muzium yang mempunyai tugas sama dalam menyelidik, memelihara dan mempamerkan nilai budaya negara bagi sesebuah komuniti yang baik (Ugong et al., 2018).

Menurut *International Council of Museum* (ICOM) dalam persidangan umum yang ke-22 pada 24 Ogos 2007 telah memberi istilah muzium sebagai: "Sebuah muzium ialah sebuah institusi yang tidak berasaskan keuntungan dalam perkhidmatan masyarakat dan pembangunannya, terbuka kepada setiap individu, yang memperoleh, memelihara, dan menyelidik. Malah, berkomunikasi dan mempamerkan warisan manusia yang ketara dan tidak ketara serta persekitarannya untuk tujuan pendidikan, pengajian dan keseronokan" (Fitriana et al., 2020).



### 2.1.1 Muzium Negeri Terengganu

Muzium Negeri Terengganu telahpun ditubuhkan pada hari peristiwa iaitu penemuan Batu Bersurat di Kuala Berang, Terengganu oleh Sayyid Hussein Ghulam Al Bukhari pada tahun 1909. Hal ini disebabkan negara kita tiada tempat yang sesuai untuk menyimpan artifak menyebabkan terpaksa dipindah ke tempat lain. Oleh sebab itu, kerajaan negara kita mula menyedari bahawa negeri Terengganu sangat memerlukan sebuah tempat untuk menyimpan bahan warisan negara kita iaitu muzium (Zainol, 2021).

Pada awal penubuhannya, muzium Negeri Terengganu hanya menumpang sedikit ruang di Pejabat Ketengah. Oleh disebabkan itu, aktiviti mengumpulan dan penyelidikan terhadap koleksi telahpun dilakukan. Pada awal tahun 1980-an, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telahpun bersetuju memberi peruntukan dalam pembinaan Kompleks Muzium yang baru. Pihak UNESCO menyarankan agar pembinaan tersebut dibuat di Kampung Bukit Losong disebabkan kawasan tersebut mempunyai tanaman semulajadi, lapang dan terbuka serta ruang yang mencukupi untuk penyimpanan barang (Ain et al., n.d.).

Manakala visi muzium Negeri Terengganu memainkan peranan penting dalam sesebuah muzium. Visi bagi muzium Negeri Terengganu ialah sebagai muzium yang paling terbaik di Malaysia mahupun di Asia Tenggara. Manakala untuk misi adalah sebuah muzium sebagai pusat untuk pemuliharaan dan menjadi rujukan kearifan tempatan, melalui amalan pemuziuman yang kreatif dan

inovatif kepada stakeholder dan pelanggan. Untuk slogan muzium Negeri Terengganu ialah kearifan silam aspirasi masa depan. Untuk pengarah muzium Negeri Terengganu yang sekarang ialah Tuan Haji Che Muhamad Azmi Bin Ngah manakala untuk timbalan pengarah ialah Tuan Haji Fauzi Bin Muda (*Muzium Negeri Terengganu, 2022*).

Tujuan muzium Negeri Terengganu ditubuhkan adalah berdasarkan fungsi dan peranan yang sangat kukuh. Yang pertama ialah bagi menyelamatkan warisan sejarah negara dan budaya dengan kaedah memelihara, menyimpan dan mempamerkan koleksi yang telah lama ataupun ianya baru yang mempunyai nilai sejarah dan budaya Negeri Terengganu dan Malaysia. Yang kedua adalah kaedah penyelidikan yang mempunyai bidang kaitan yang sama dengan budaya Negeri Terengganu agar dapat menerangkan mengenainya kepada orang ramai untuk menjadi muzium sebagai sumber pengetahuan, dan pendidikan. Yang ketiga adalah melakukan penyelidikan dan pemuliharaan terhadap fauna, flora dan batu-bata yang berada di sekitar Negeri Terengganu. Yang keempat adalah memuliharaan monument dan tempat-tempat bersejarah yang berada di seluruh Negeri Terengganu. Yang kelima ialah menggalakkan perkembangan industri pelancongan (*Muzium Negeri Terengganu, 2022*).

Secara keseluruhan, muzium Negeri Terengganu telah dipecahkan kepada beberapa bahagian. Antaranya ialah bahagian pentadbiran, kewangan, keselamatan, teknikal bangunan, etnologi, sumber alam dan ekonomi, pendaftaran, sejarah, maritim, muzium daerah, konservasi, pameran, perhubungan dan pemasaran, pendidikan,

fotografi, dan perpustakaan. Muzium tersebut berperanan penting dalam memelihara dan memelihara bahan yang mempunyai kaitan kebudayaan, pendidikan dan ekonomi dalam membangunkan masyarakat dan negara. Ini terbukti kewujudan muzium memberi impak yang sangat positif kepada pembangunan masyarakat dan pada negara (Ain et al., n.d.).

### 2.1.2 Muzium dan Pelancongan

Pelancongan telah diberikan istilah sebagai kegiatan multidimensional dan pelbagai telahpun menyentuh darisegi aspek kehidupan manusia dan aspek aktiviti ekonomi negara. Pelancongan tidak hanya berfokuskan kepada satu aspek keseronokan tetapi ia juga mempunyai tujuan lain seperti pelancongan perniagaan, pelancongan kesihatan, pelancongan suka dan lain-lain. Fathi Yakan, (1999) yang telah membahagikan pelancongan ini kepada dua bahagian iaitu perlancongan taat yang berlandaskan syariat Islam dan pelancongan maksiat yang berlawanan dengan ajaran Islam (Fathi Yakan, 1999).

Pertubuhan Pelancongan Dunia atau *World Tourism Organization* (WTO) pelancong adalah mereka yang keluar dari tempat tinggal mereka dan melancong ke tempat lain yang tidak melebihi satu tahun. Pelancongan adalah salah satu kegiatan ekonomi negara yang mendatangkan pendapatan yang sangat menguntungkan kepada setiap negara. Hal ini terbukti telah banyak kawasan pelancongan yang baru dibuka untuk pengunjung berkunjung dari masa ke semasa. Pelancongan adalah pergerakan sementara oleh

setiap manusia untuk ke destinasi lain di luar tempat kerja dan tempat tinggalnya, aktiviti yang mereka lakukan selama tinggal di destinasi tersebut untuk kemudahan yang tersedia bagi memenuhi keperluan asas mereka (Fitriana et al., 2020).

Kepentingan dalam sektor pelancongan pada negara kita ialah dapat memajukan ekonomi negara. Hal ini kerana kemasukan pelancong ke negara kita dari negara luar telah membantu untuk meningkatkan lagi mata wang ‘dollar’ kepada ringgit dan sekaligus meningkatkan nilai mata wang ringgit dunia. Seterusnya, mewujudkan peluang pekerjaan perkembangan yang mampan dalam industri pelancongan ini akan mewujudkan lebih banyak restoran, tempat penginapan, perkhidmatan pemuat pelancong dan lain-lain (Rachel, n.d.).

### 2.1.3 Pengunjung

Untuk perkataan *tourism* datangnya daripada perkataan Latin iaitu *tornare* dan juga *Greek* iaitu *tornos* yang membawa maksud yang bergerak dalam satu bulatan. Menurut pendapat Laimer, P. (2010), pelawat merupakan pengembara yang keluar berjalan ke destinasi utama di luar persekitaran bagi tempoh kurang daripada satu tahun untuk sebarang tujuan utama seperti perniagaan, beriadah atau tujuan peribadi yang lain selain daripada yang akan diambil kerja oleh entiti residen di Negara ini. Manakala menurut *The International of Travel Organization* (IOUTO) dan *World Tourism Organization* (WTO) adalah individu yang membuat perjalanan ke negara lain daripada satu tempat yang persekitaran biasa dalam tempoh yang tidak melebihi dua

belas bulan. Tambahan pula, tujuan utama ialah selain aktiviti yang mendapat bayaran dari negara yang dilawati (Aziz, n.d.).

Selain itu, ada juga definisi pelancong adalah sama maksud dengan pengunjung. Sekurangnya memberi maksud lebih jelas tentang pelancongan dan elemen yang terlibat dalam industri pelancongan secara meluas. Secara tidak langsung, definisi telah menjelaskan pelancongan merupakan lawatan atau pengembara ke sesuatu tempat yang lain dalam tempoh bermalam, bertujuan berhibur, berehat, berniaga, dan sebagainya (Aziz, n.d.).

#### 2.1.4 Kategori Lawatan

Menurut John 2009, terhadap beberapa kategori lawatan muzium antaranya peneroka, fasilitator, pencari pengalaman, profesional dan pengecas semula. Kategori ini berguna dalam kedua-dua cara ia bertujuan untuk digunakan, sebagai metrik untuk kakitangan muzium untuk lebih memahami pelanggan mereka, tetapi juga merupakan alat yang hebat untuk pengunjung muzium untuk merancang dengan lebih baik untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. Sebagai contoh, jika seseorang menyedari bahawa mereka terutamanya pergi ke muzium untuk mengisi semula, adalah berfaedah bagi mereka untuk bertanya melalui telefon pada waktu muzium itu bebas daripada kumpulan sekolah atau mempunyai kehadiran paling rendah. Ini akan membantu mereka menentukan masa di mana mereka boleh menikmati muzium dengan cara yang mereka mahu tanpa diganggu (John, 2009).

Antara kategori pelawat yang pertama ialah peneroka. Peneroka tidak mempunyai matlamat yang ditetapkan semasa memasuki muzium. Peneroka akan menemui perkara yang menarik minat mereka untuk ke muzium. Menurut John Falk (2017), analogi antara penerokaan dan pembeli yang suka menyemak imbas tanpa item tertentu dalam fikiran. Untuk peneroka membaca label dan meluangkan masa yang sangat lama di dalam pameran. Kategori yang kedua ialah fasilitator. Fasilitator adalah ibu bapa, rakan, guru sekolah dan lain-lain yang memudahkan pengalaman pergi muzium bersama orang lain. Fasilitator juga merupakan individu yang akan membantu sekumpulan orang untuk bekerjasama dengan baik. Tugas fasilitator adalah memberi penerangan mengenai karya-karya atau artifak yang berada di muzium sehingga penerangannya difahami oleh orang ramai. Individu yang menjadi fasilitator hendaklah mendalami, dan memahami tentang karya atau artifak supaya penyampaian mudah difahami (John, 2009).

Kategori yang ketiga adalah pencari pengalaman. Individu melawat muzium untuk mencari pengalaman baharu dan menarik. Selalunya memilih menghabiskan masa yang lama dan tenaga di muzium untuk melihat segala-galanya. Ia juga individu yang suka mengambil gambar di muzium dan menikmati pameran interaktif (John, 2009).

Kategori yang keempat ialah professional atau pengembara muzium. Individu tahu tentang perkara di muzium yang mendalam. Individu ini juga memberi tumpuan untuk mempelajari lebih lanjut mengenainya atau mencari jawapan kepada soalan yang dicari. Pengembara cenderung mempunyai idea tentang perkara yang ingin beliau lihat sebelum beliau memasuki muzium dan mengetahui cara terbaik untuk ke sana (John, 2009).

Kategori yang kelima ialah *recharger*. Beliau mencari muzium sebagai aktiviti masa lapang yang menenangkan beliau. Beliau memberi perhatian kepada reka bentuk ruang galeri. Beliau selalunya akan duduk dan meluangkan masa yang lama di muzium. Beliau juga mungkin tidak selalu membaca semua label tetapi akan menghabiskan banyak masa melihat objek yang dipamerkan. Selepas melawat galeri atau berehat, beliau boleh meneliti kedai cenderamata atau menjamu selera di kafe muzium (John, 2009).

### 2.1.5 Faktor Lawatan

Beberapa kajian yang dijalankan mengenai topik itu masih tidak mendedahkan corak yang jelas tentang faktor-faktor yang membawa kepada kesetiaan pelancong dan lawatan berulang. Kajian mengenai topik yang telah dijalankan dalam konteks yang berbeza. Sebagai contoh mengkaji kesetiaan terhadap destinasi dalam konteks pasaran geografi dan produk yang pelbagai.

Kajian literatur tentang pelancongan dan destination loyalty mendedahkan bahawa menentukan potensi peningkatan kesediaan pelancong untuk ulang lawatan adalah kepuasan dengan lawatan. Sebagainya imej destinasi, reputasi korporat, tingkah laku perjalanan, motivasi perjalanan, kebiasaan dengan destinasi dan profil sosiodemografi pelawat (Kastenholz et al., 2013).

Pemboleh ubah berkaitan perjalanan, iaitu motivasi perjalanan dan kebiasaan dengan destinasi, telah dikenal pasti sebagai pemacu kesetiaan yang relevan. Yoonand Uysal (2005), sebagai contoh, mencari kesan positif dorongan terhadap kesetiaan destinasi. Terdapat tiga jenis faedah yang dicari memberi impak positif terhadap kesetiaan destinasi pelancong, iaitu pengalaman budaya yang berbeza yang telah menarik minat pelancong, pencarian untuk keselamatan dan pengangkutan yang selesa. Kastenholzet al. (2006), mendedahkan korelasi positif yang kuat antara kebiasaan pelancong dengan North Portugal luar bandar melalui lawatan terdahulu dan kemungkinan masa depan untuk kembali ke destinasi yang telah dikunjungi olehnya. Kozak (2001), menemui bukti



yang sama apabila menyelidik berniat untuk mengulangi lawatan di pelancongan British ke Sepanyol dan Turki. Kajian Wang (2003), mendedahkan kesan tempoh penginapan pelawat kali pertama menginap untuk tempoh yang lebih pendek daripada pelawat berulang mengambil tempoh yang lama untuk menginap di destinasi tersebut.

## 2.2 Kerangka Teori

Pengkaji memilih teori kepuasan pengguna dengan membezakan tiga faktor, antaranya faktor asas, faktor keseronokan dan faktor prestasi. Teori ini telah dikembangkan oleh Matzler & Sauerwein, 2002; Matzler, Sauerwein, & Heischmidt, 2003; Slevitch, Mathe, Karpova, & Scott-Halsell, 2013; Ting & Chen, 2002. Faktor asas dan faktor keseronokan adalah berkait secara tidak simetri dengan pelawat. Untuk faktor asas akan mengalami keburukan apabila prestasi destinasi terlalu rendah dan pengaruh tidak berpuas hati. Manakala untuk faktor keseronokan menjadi penentu kepuasan yang penting apabila prestasi destinasi tersebut tinggi sambutan (Krejcie, 1970).

Teori ini wujud kerana kepuasan pengguna ini akan menyebabkan berlakunya kekerapan lawatan. Teori ini juga membantu pengurusan membuat keputusan untuk memahami keutama muzium adalah untuk menyampaikan ilmu dan memberi kepuasan kepada pengunjung. Hal ini dapat kita lihat teori ini telah digunakan bagi pihak muzium untuk mengkaji berkenaan mempamerkan koleksi yang menyebabkan pengunjung berpuas hati. Seperti yang kita lihat pengurusan muzium yang baik akan mempengaruhi kekerapan lawatan. Terutamanya bagi

pelawat yang berkunjung kemuzium yang berdasarkan lima katogeri. Dengan adanya teori ini kita dapat melihat faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung lebih fokus kepada tiga faktor teori. Jadi dengan wujudnya teori tersebut, pihak muzium dapat mengekalkan kepuasan pengunjung.

### 2.3 PENUTUP

Kesimpulannya, bab ini telah merangkumi secara meluas bagi beberapa tinjauan tentang kajian lepasan yang telah dijalankan. Oleh itu ia dapat membantu dalam penyelidikan ini. Pengkaji telah menggunakan artikel yang mempunyai berkaitan dengan topik pengkaji supaya dapat maklumat yang mempunyai kaitan dengan kajian ini.

## BAB TIGA

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 PENGENALAN

Metodologi penyelidikan diguna untuk melakukan proses penyelidikan bagi mengumpulkan data, dan menilai perolehan data. Metodologi juga merujuk kepada alatan yang digunakan untuk mengumpul maklumat yang relevan dalam kajian penyelidikan ini (Norhisham, n.d.).

Metodologi juga kajian yang hendak dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan untuk mengkaji objektif tercapai. Dalam bab ini menjelaskan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian. Tanpa pengkaji menggunakan metodologi, data yang hendak diperolehi tidak akan tepat. Metodologi kajian merupakan salah satu cara untuk mengadun dan menstruktur setiap maklumat yang diperolehi mengikut ketetapan yang telah ditetapkan. Penyelidikan ini dilakukan dengan mengikut langkah-langkah yang telah ditentukan dan diatur khas bagi menghasilkan maklumat-maklumat bersifat terkini. Secara keseluruhannya metodologi merupakan salah satu kaedah atau cara yang dapat mengawal maklumat yang diperolehi bagi sesebuah penyelidikan (Yuslaintan, 2015).

#### 3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Dalam kajian ini faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke Muzium Terengganu dengan menggunakan kaedah pendekatan kajian kes. Kaedah ini sering diguna kerana dapat mengkaji dengan lebih tepat untuk kajian kes dan perlu untuk memperolehi jawapan soalan. Kes kajian merupakan kajian yang telah dilaksanakan oleh aktiviti dan masalah bagi menggambarkan keadaan yang sebenar. Sebagai contoh aktiviti yang dibayangkan dan yang akan dihadapi

oleh seseorang tempat kerja atau keadaan yang dilakukan oleh penyelidik. Kebiasaannya, penyelidik menggunakan kes kajian untuk memperoleh sumber-sumber yang berbeza seperti dokumen, artifak, temu bual pemerhatian dan sumber bukti yang didapati pada kajian kes. Oleh di sebabkan itu, aspek yang terpenting adalah terdiri dalam kaedah pendokumentasian gambaran melalui kaedah pemerhatian dan mengadakan temu bual bersama responden (Zainol, n.d.).

### 3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Secara umumnya kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif bagi mengenalpasti dan mengkaji tentang kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Terengganu. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian iaitu kaedah tinjauan. Reka bentuk kajian ini ialah pelan tindakan yang perlu memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian tersebut dijalankan (Sabitha, 2006). Reka bentuk penyelidikan juga menjadi model bagi membolehkan penyelidik membuat rujukan yang berkenaan dengan pemboleh ubah yang dikaji.

#### 3.2.1 Kaedah Kuantitatif

Penyelidikan kuantitatif bermaksud kaedah penyelidikan yang menggunakan rancangan pengkajian berdasarkan prosedur statistik atau dengan maksud lain dari kuantifikasi (butiran mengikut jumlah unit dan angka) untuk mengukur pemboleh ubah kajian yang dilakukan. Kajian kuantitatif ini dimana pengkaji perlu menentukan apa yang hendak ditanyakan seperti fokuskan pada skop soalan dan menganalisis kutipan data tersebut. Pada

kaedah ini pengkaji menggunakan borong soal selidik berstruktur diatas talian dengan menggunakan aplikasi *Google Form* (Jasmi, n.d.).

### 3.3 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian telah diambil kira untuk mencapai objektif dalam menghasilkan sesuatu penyelidikan. Pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif semasa menjalankan kajian. Kaedah ini telah digunakan untuk mendapatkan data yang paling tepat dan lebih teliti dengan kajian yang pengkaji jalankan. Kaedah ini juga merupakan cara untuk melakukan kajian seperti soal selidik, rujukan internet dan lain-lain lagi. Kajian ini mengelapasti latar belakang pelawat, mengkaji kategori pelawat yang berkunjung ke muzium Negeri Terengganu dan menganalisis faktor kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu (Nordin et al., 2019).

### 3.4 UNIT ANALISIS

Unit analisis merupakan permasalahan yang perlu diselesaikan. Di dalam unit analisis ini mengkaji tentang objek seperti manusia, lokasi dan sebagainya. Manusia sebagai pelawat dan pihak pengurusan muzium Negeri Terengganu. Di dalam kajian ini, pengkaji telah fokus kepada pengunjung untuk mencari faktor yang menyebabkan pengunjung tertarik untuk ke muzium Negeri Terengganu. Hal ini kerana, pengkaji ingin mengkaji kategori lawatan dari pengunjung dan menganalisis faktor kekerapan lawatan ke muzium Negeri Terengganu. Pengkaji memilih lokasi Muzium Negeri Terengganu ini kerana muzium ini telah diiktiraf sebagai muzium yang terbesar di Asia Tenggara. Muzium juga merupakan salah satu tempat tumpuan bagi setiap pelancong jika mereka melancong ke Terengganu.

Unit analisis yang digunakan didalam kajian ini adalah di muzium Negeri Terengganu. Pengkaji memilih lokasi kajian ini kerana ianya merupakan tempat yang berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Selain itu, kajian di lokasi ini untuk menaikkan lagi nama Muzium Terengganu. Seterusnya Muzium Negeri Terengganu merupakan tempat tumpuan pelancong apabila ke muzium Negeri Terengganu. Selain itu, pelawat dan pihak muzium juga merupakan komponen yang sangat penting dalam menolong pengkaji untuk mendapatkan maklumat dalam menjayakan kajian ini.

### 3.5 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Kaedah pengumpulan data adalah satu kaedah yang membolehkan pengkaji dapat mengumpulkan keseluruhan maklumat yang akan diperolehi melalui cara pemerhatian dengan terperinci dan beberapa sumber yang terlibat langsung dan tidak langsung mengikut kesesuaian kajian. Kaedah pengumpulan data ini adalah satu kaedah yang digunakan untuk pengkaji memperolehi data-data yang paling tepat. Hal ini mempengaruhi dua sumber data utama antaranya data primer dan data sekunder yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini.

#### 3.5.1 Data Primer

Data preimer merupakan data yng asal telah dikumpul secara khusus bagi menjawab persoalan kajian. Data primer adalah sumber yang bersifat asli dan belum ditafsirkan kepada umum. Sebagai contoh, temu bual, pemerhatian dan soal selidik. Data primer merujuk pada data tidak tersedia di dalam fail ataupun laporan. Hal ini kerana data ini perlu dikumpul dari individu (Azwar, 1998).

### I. Soal Selidik

Pengkaji menyedaikan dan menyebarkan borong soal selidik yang digunakan melalui kaedah *Google Form* dalam bentuk *QR code* dan *link*. Selain itu, pengkaji akan menyebarkan *Google Form* dalam bentuk *QR code* ini kepada pihak muzium supaya setiap pengunjung yang hadir akan scan *QR code* dan akan menjawab soalan yang telah pengkaji disediakan. Manakala untuk *link google form*, pengkaji akan menyebarkan pada laman web rasmi Muzium Negeri Terengganu dan akan sebar kepada kenalan pengkaji yang pernah berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu melalui *Whatsapp*, *Facebook*, *Instagram* dan Laman Web Rasmi Muzium Negeri Terengganu.

### 3.5.2 DATA SEKUNDER

Data sekunder adalah data yang telah diambil melalui maklumat yang di sediakan berkaitan Muzium Negeri Terengganu. Kaedah sekunder adalah kaedah yang perlu dilakukan melalui bahan bacaan, jurnal, bahan ilmiah, buku rujukan dan penyelidikan perpustakaan. Data sekunder juga merupakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji-pengkaji lain seperti maklumat dari perpustakaan, buku, tesis dan sebagainya (Putra & Yusiana, n.d.).

### I. Sumber Internet

Sumber daripada internet merupakan satu cara dimana sumber mudah diperolehi dan sumber yang selalu diguna oleh pengkaji.

Antara laman web rasmi yang mudah diakses oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian seperti *Google Scholar*. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan sumber internet untuk mendapatkan pelbagai maklumat untuk menyelesaikan kajian tersebut. Kebanyakan maklumat yang didapati daripada *google* mempunyai rujukan dah maklumat yang tepat daripada kesemua penulis.

## II. Jurnal

Sebahagian maklumat yang diperolehi daripada jurnal telah dijumpai oleh pengkaji bagi memudahkan untuk menjadi sebagai rujukan yang bermanfaat dalam menyelesaikan kajian ini. Sumber rujukan ini lebih bermanfaat kerana menjadi bahan rujukan kerana terdapat banyak idea yang menambah pengetahuan pengkaji serta menjadi penentu atas matlamat yang ingin diumumkan dalam kajian yang dilakukan.

### 3.6 PENSAMPELAN

Pensampelan adalah aspek yang sangat penting dalam menghasilkan kajian ini kerana dapat menentukan aslian dan kualiti hasil kajian. Pensampelan juga adalah satu cara untuk pengkaji memperolehi maklumat daripada responden. Teknik pensampelan kebarangkalian melibatkan responden yang telah dipilih secara rawak di Muzium Negeri Terengganu dan responden yang mempunyai ciri yang terdapat dalam kajian (Yuslaintan, 2015). Bagi menentukan saiz sample bagi sesebuah populasi, kajian ini akan menggunakan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie (Krejcie, 1970).



### 3.7 INSTRUMEN DATA

Instrumen adalah peralatan yang telah digunakan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan bagi menjawab objektif kajian. Dalam kajian ini, beberapa alatan digunakan bagi memenuhi kajian ini. Antara peralatan yang digunakan adalah seperti berikut:

#### I. Borang soal selidik

Pengkaji telah menggunakan kalkulator *sampling raosoft* dan menggunakan 95% kebolehpercayaan. Pengkaji memerlukan seramai 263 orang responden daripada pengunjung muzium Negeri Terengganu. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik dengan menggunakan kaedah *google form*. Pengunjung perlu *scan QR code* untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan kajian pengkaji.

### 3.8 ANALISIS DATA

Analisis data merupakan satu kajian yang dijalankan untuk mengubah data hasil daripada penelitian menjadi sebuah maklumat baru yang dapat dibuat sebagai kesimpulan. Analisis data ialah proses secara formal untuk menemukan tema dan merumuskan seperti yang telah disarankan sebagai usaha untuk memberi bantuan (Krejcie, 1970).

Manakala untuk analisis data kuantitatif melalui instrumen soal selidik. Responden dalam kajian ini terdiri daripada pihak muzium, dan pengunjung. Teknik persampelan kebarangkalian secara rawak mudah digunakan dalam pemilihan responden pengkaji akan menggunakan kaedah Morgan untuk mendapatkan jumlah responden berdasarkan populasi pengunjung yang hadir ke muzium dan pengunjung yang pernah ke muzium Negeri Terengganu tersebut. Responden telah diminta untuk membuat pilihan yang sesuai

berdasarkan pernyataan yang diberikan. Soalselidik ini juga menggunakan skala likert 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 sederhana setuju, 4 setuju dan 5 sangat setuju. Analisis deskriptif yang digunakan dalam menganalisis dapatan kajian bagi mendapatkan peratusan kekerapan lawatan oleh pengunjung.

### 3.9 PENUTUP

Kesimpulannya, dalam bahagian ini menerangkan bahawa metodologi kajian menjadi keutamaan yang pertama supaya pengkaji dapat mengumpulkan maklumat dengan lebih terperinci agar hasil penulisan kajian lengkap dan mencapai matlamat pengkaji inginkan. Teknik ini perlu dititikberatkan untuk memastikan pencarian maklumat dan pembahagian data dapat dilakukan dengan terperinci. Dengan adanya kaedah seperti ini dapat membantu pelajar.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 PENGENALAN

Bab empat ini pengkaji menghuraikan berkenaan dapatan kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan kedatangan lawatan pengunjung ke Muzium Negeri Terengganu. Dalam bahagian ini menghuraikan berkenaan hasil dapatan kajian yang didapati oleh pengkaji semasa proses pengumpulan data yang dilakukan melibatkan responden. Di dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif sahaja dan berupaya untuk menyelesaikan persoalan kajian serta menepati objektif kajian. Pengkaji juga mengaplikasikan satu pendekatan iaitu sumber primer sebagai panduan asas dalam kaedah kajian. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah survei bagi mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu. Selain itu, dapatan kajian ini membincangkan kategori pelawat yang berkunjung ke muzium Negeri Terengganu. Kajian ini juga dijalankan untuk menganalisis faktor kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu. Di samping itu, data-data yang telah didapati juga mempunyai kaitan dengan pengurusan muzium Negeri Terengganu untuk menarik minat pengunjung. Dapatan kajian ini telah diperincikan berdasarkan kaedah gambar rajah, carta dan graf yang bersesuaian seperti yang dibincangkan dalam bab dua seterusnya.

#### 4.1 Latar Belakang Pelawat Yang Berkunjung Ke Muzium Negeri Terengganu

Data ini mengandungi membincangkan kaitan latar belakang para responden yang mengunjungi ke Muzium Negeri Terengganu. Maklumat yang telah diperolehi adalah berdasarkan bahagian soalan-soalan yang telah dijawab oleh pelawat yang mengunjungi muzium Negeri Terengganu melalui *Qr code* dan pautan borang *survey google link* yang mengandungi beberapa soalan bagi menjawab objektif soalan. Maklumat tersebut berkaitan dengan umur, jantina, status, bangsa, negeri, tahap pendidikan, dan pekerjaan.

<b>Umur</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>13 - 17 Tahun</b>	6	2.3
<b>18 - 22 Tahun</b>	46	17.5
<b>23 - 27 Tahun</b>	93	35.4
<b>28 - 32 Tahun</b>	25	9.5
<b>33 - 37 Tahun</b>	40	15.2
<b>38 - 42 Tahun</b>	27	10.3
<b>43 - 47 Tahun</b>	11	4.2
<b>48 Tahun dan keatas</b>	15	5.7
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Umur

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Taburan responden mengikut umur menunjukkan seramai enam orang responden (2.3%) pengunjung yang berusia 13 tahun hingga 17 tahun. Manakala seramai 46 orang (17.5%) responden yang berumur sekitar 18 tahun hingga 22 tahun. Responden yang berumur 23 tahun hingga 27 tahun pula adalah seramai 93 orang (35.4%). Manakala responden yang

berumur 28 tahun hingga 32 tahun adalah seramai 25 orang responden (9.5%). Responden yang berumur 33 tahun hingga 37 tahun adalah seramai 40 orang (15.2%). Kemudian seramai yang berumur 38 tahun hingga 42 tahun seramai 27 orang bersamaan (10.3%) dan bilangan responden bagi umur 43 tahun hingga 47 tahun seramai 11 orang (4.2%). Manakala bilangan responden untuk golongan berumur 48 tahun dan keatas seramai 15 orang (5.7%). Oleh itu, golongan paling rendah berumur 13 tahun hingga 17 tahun kerana kebanyakan mereka yang mengunjungi Muzium Negeri Terengganu kerana mengikuti rombongan sekolah. Manakala golongan mereka juga kurang mahir atau tidak mempunyai akses untuk menggunakan telefon pintar untuk scan *QR code*. Jika pengkaji menyebarkan borang ini dalam bentuk kertas, mungkin peratusan di golongan responden umur 13 tahun hingga 17 tahun keatas meningkat.

<b>Jantina</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Lelaki</b>	85	32.3
<b>Perempuan</b>	178	67.7
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Taburan responden mengikut jantina menunjukkan bahawa seramai 178 orang (67.9%) daripada keseluruhan responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada golongan perempuan, manakala seramai 85 orang (32.1%) daripada responden wanita. Jelas bahawa, jumlah responden wanita melebihi responden lelaki. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan wanita yang ramai ke muzium Negeri Terengganu berbanding lelaki. Hal ini kerana golongan lelaki tidak begitu gemar untuk ke muzium berbanding dengan wanita (Aziz, n.d.).

Status	Frekuensi	Peratus (%)
Berkahwin	120	45.6
Bujang	143	54.4
Total	263	100.0

Jadual 4.3: Taburan Responden Menunjukkan Status Pengunjung

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan responden yang berstatus bujang adalah lebih ramai responden yang berstatus bujang adalah lebih ramai berbanding yang berkahwin dan seramai 143 orang responden (54.4%) yang berstatus bujang. Manakala responden yang berstatus berkahwin adalah seramai 120 orang (45.6%). Hal ini kerana responden yang berstatus bujang lebih tinggi disebabkan kebanyakan mereka daripada golongan pelajar dan remaja yang ke muzium Negeri Terengganu untuk menyiapkan tugas mereka. Hal ini terbukti kerana lingkungan umur yang ke muzium paling ramai ialah berumur 23 tahun hingga 27 tahun seramai 93 orang (35.4%).

<b>Bangsa</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Melayu</b>	260	98.9
<b>Cina</b>	2	0.8
<b>India</b>	0	0
<b>Dan lain-lain</b>	1	0.4
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.4: Taburan Responden Menunjukkan Bangsa

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Taburan responden mengikut bangsa pula menunjukkan bahawa sebanyak 260 orang (98.9%) responden daripada kalangan bangsa Melayu. Bangsa Melayu merupakan kelompok yang terbesar daripada kelompok bangsa yang lain. Selain itu, responden daripada bangsa Cina menunjukkan seramai dua orang (0.8%) responden. Manakala untuk responden bangsa lain-lain seramai satu orang (0.4%) responden. Responden daripada bangsa india tidak mempunyai responden. Kelompok bangsa yang paling rendah ini berkemungkinan minoriti bangsa dari negara lain yang melancong ke Malaysia dalam tempoh yang tidak kekal.

<b>Negeri</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Johor</b>	16	6.1
<b>Kedah</b>	12	4.6
<b>Kelantan</b>	37	14.1
<b>Melaka</b>	4	1.5
<b>Negeri Sembilan</b>	7	2.7
<b>Pahang</b>	16	6.1
<b>Perak</b>	9	3.4
<b>Perlis</b>	4	1.5
<b>Pulau Pinang</b>	6	2.3
<b>Sarawak</b>	1	0.4
<b>Selangor</b>	13	4.9
<b>Terengganu</b>	132	50.2
<b>Wilayah Persekutuan</b>	6	2.3
<b>Sabah</b>	0	0
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.5: Taburan Menunjukkan Bagi Setiap Negeri

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Hasil kajian, mendapati bahawa jumlah pengunjung yang paling ramai ke Muzium Negeri Terengganu adalah yang berasal dari Terengganu dengan jumlah seramai 132 orang responden (50.2%). Seterusnya pengunjung yang berasal dari Kelantan seramai 37 orang responden (14.1%) manakala pengunjung yang berasal daripada Pahang seramai 16 orang responden (6.1%). Selain itu, pengunjung yang berasal dari Johor seramai 16 orang



responden yang mempunyai peratusan sebanyak (6.1%). Manakala untuk pengunjung berasal daripada Selangor seramai 13 orang responden (4.9%). Di samping itu, pengunjung dari Kedah pula seramai 12 orang responden (4.6%) manakala bagi Negeri Sembilan seramai tujuh orang responden (2.7%). Tambahan pula, bagi pengunjung yang berasal dari Perak seramai sembilan orang (3.4%) manakala untuk pengunjung yang berasal dari Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan masing-masing hanya enam orang responden (2.3%) sahaja. Seterusnya adalah pengunjung yang berasal dari Melaka seramai empat orang (1.5%) dan pengunjung daripada Perlis seramai empat orang sahaja (1.5%). Akhir sekali, pengunjung yang paling sedikit adalah berasal daripada Sarawak hanya seorang (0.4%) sahaja. Oleh itu, pengunjung dari Sarawak adalah paling sedikit kerana mungkin disebabkan harga tiket untuk ke semenanjung Malaysia agak mahal. Hal ini juga pengunjung dari Sabah tidak menenggunji Malaysia diatas sebab yang sama. Hal ini terbukti, apabila kerajaan negeri Terengganu telah mengeluarkan Pelan Strategik Pelancongan Terengganu 2019-2023 untuk usaha meningkatkan lagi jumlah pelancong sehingga 6.5 juta orang setahun dengan anggaran pendapatan yang diperolehi RM6 bilion pada tahun 2025 (Kerajaan Negeri Terengganu, 2023).

<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Diploma</b>	44	16.7
<b>Ijazah</b>	139	52.9
<b>Master</b>	6	2.3
<b>Phd</b>	7	2.7
<b>Sekolah Menengah</b>	67	25.5
<b>Sekolah Rendah</b>	0	0
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.6: Taburan Tahap Pendidikan Pengunjung

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Seterusnya, rajah enam menunjukkan taburan responden mengikut tahap pendidikan. Kelompok yang sangat tinggi adalah responden daripada kalangan Ijazah iaitu seramai 139 orang (52.9%). Responden daripada kalangan sekolah menengah seramai 67 orang ataupun (25.5%). Seramai 44 orang (16.7%) responden adalah daripada kalangan diploma yang ke Muzium Negeri Terengganu. Manakala bagi kalangan tahap pendidikan Master seramai enam orang responden (2.3%) sahaja. Manakala untuk PHD seramai tujuh orang responden (2.7%). Yang terakhir responden daripada sekolah rendah tidak mempunyai responden. Hal ini terbukti peratusan yang paling tinggi yang mengisi borang soal selidik ini adalah di kalangan tahap pendidikan. Hal ini disebabkan, majoriti pelajar Ijazah yang mempunyai bidang pengajian sama terhadap Muzium Negeri Terengganu yang hadir. Hal ini terbukti kerana muzium merupakan satu institusi pendidikan dan pembelajaran muzium negeri menyediakan pelbagai program untuk memenuhi aspek seperti lawatan bersepadu, ceramah, bengkel, penerbitan, dan promosi (Mustafa, 2015).

<b>Pekerjaan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Kakitangan Awam</b>	61	23.2
<b>Kakitangan Swasta</b>	66	25.1
<b>Kerja Sendiri</b>	27	10.3
<b>Pelajar</b>	92	35.0
<b>Tidak Bekerja</b>	17	6.5
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.7: Taburan Pekerjaan Setiap Pengunjung

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Taburan responden mengikut pekerjaan yang sangat tinggi adalah responden daripada kalangan pelajar iaitu seramai 92 orang (35%) seorang pelajar. Responden dalam kalangan kakitangan swasta pula seramai 66 orang (25.1%) manakala, responden bagi kakitangan awam seramai 61 orang (23.2%). Seramai 27 orang (10.3%) responden adalah daripada kalangan bekerja sendiri dan seramai 17 orang (6.5%) responden yang tidak bekerja. Peratusan pelajar adalah yang paling tinggi majoritinya dikalangan mereka ke Muzium Negeri Terengganu ingin menjalankan kajian mereka. Kebanyakan pelajar ke muzium kerana mereka dapat mempelajari bahan sejarah dan seni yang mungkin hanya dibaca di dalam buku sahaja, malah apabila ke muzium mereka dapat membantu meningkatkan kesedaran dan minat dalam subjek sejarah (Latifah, 2015).

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Pernah</b>	228	86.7
<b>Tidak Pernah</b>	35	13.3
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.8: Adakah Anda Pernah Mengunjungi Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual lapan daripada analisis yang telah dijalankan berkenaan Muzium Negeri Terengganu. Pengkaji mendapati kebanyakan pengunjung yang “Pernah” ke Muzium Negeri Terengganu melebihi tidak pernah pergi ke muzium iaitu seramai 228 orang responden (86.7%). Ini membuktikan bahawa pengunjung yang datang ke muzium adalah pernah melawati Muzium Negeri Terengganu. Manakala untuk yang “Tidak Pernah” berkunjung ke muzium adalah seramai 35 orang (13.3%). Ini membuktikan pengunjung lebih gemar ke Muzium Negeri Terengganu untuk menambah pengalaman walaupun pernah melawati muzium tersebut. Ini menunjukkan pengunjung yang pernah berkunjung berkali-kali ke Muzium Negeri Terengganu. Ini menunjukkan berlakunya satu perubahan pada persepsi pengunjung terhadap muzium (Aziz, n.d.).

Pilihan Jawapn	Frekuensi	Peratus (%)
<b>1 - 3 kali</b>	154	58.6
<b>4 - 7 kali</b>	58	22.1
<b>8 kali dan keatas</b>	17	6.5
<b>Tidak Pernah</b>	34	12.9
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.9: Berapa Kalikah Anda Pernah Mengunjungi Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual sembilan diatas, daripada 263 orang responden, 34 orang responden ataupun (13%) “Tidak Pernah” mengunjungi Muzium Negeri Terengganu. Manakala, untuk yang pernah mengunjungi Muzium Negeri Terengganu “1 hingga 3 kali” iaitu seramai 154 orang responden atau (58.6%). Selain itu, yang pernah mengunjungi Muzium Negeri Terengganu “4 hingga 7 kali” adalah seramai 58 orang responden ataupun (22.1%). Manakala untuk pengunjung yang pernah mengunjungi Muzium Negeri Terengganu “8 kali keatas” adalah seramai 17 orang responden ataupun (6.5%) sahaja. Daripada keseluruhan hasil dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa 229 orang yang pernah ke Muzium Negeri Terengganu. Ini membuktikan secara keseluruhan sebanyak (28%) yang lebih daripada satu kali. Hal ini kerana muzium mempunyai daya tarikan tersendiri terhadap pengunjung. Berdasarkan bab dua, pengkaji menyatakan pendedahan bahawa menentukan potensi peningkatan kesediaan pelancong untuk ulang lawatan adalah kepuasan dalam lawatan tersebut (Kastenholz et al., 2013)

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Ahli Keluarga</b>	59	22.4%
<b>Dan lain-lain</b>	21	8.0%
<b>Rakan</b>	28	10.6%
<b>Rakan, Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain</b>	13	4.9%
<b>Rakan, Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain, Ahli Keluarga</b>	15	5.7%
<b>Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain</b>	35	13.3%
<b>Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain, Ahli Keluarga</b>	12	4.6%
<b>Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain, Pasangan</b>	9	3.4%

Jadual 4.10: Dengan Siapakah Anda Mengunjungi Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 10 diatas, daripada dapatan kajian latar belakang pengunjung yang datang bersama “Ahli Keluarga” tinggi berbanding yang lain, ia menunjukkan jumlah seramai 59 orang ataupun (22.4%). Manakala untuk pilihan jawapan “Dan Lain-lain” seramai 21 orang ataupun (21%) responden dan bagi “Rakan” seramai 28 orang ataupun 10.6%). Selain itu, “Rakan, Rombongan Sekolah/University dan lain-lain, Ahli Keluarga” seramai 13 orang ataupun (4.9%) dan bagi “Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain” seramai 35 orang ataupun (13.3%). Seterusnya, “Rakan, Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain,

Ahli Keluarga” seramai 15 orang ataupun (5.7%). Manakala untuk “Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain, Ahli Keluarga” seramai 12 orang ataupun (4.6%) responden dan yang terakhir adalah dari “Rombongan Sekolah/Universiti dan lain-lain, Ahli Keluarga, Pasangan” seramai 9 orang ataupun (3.4%) responden. Hal ini lebih jelas menyatakan pengunjung yang datang bersama ahli keluarga adalah paling tinggi dan mereka mengisi masa lapang bersama keluarga. Dalam bab dua ada menyatakan mengeratkan lagi hubungan Bersama keluarga yang merupakan salah satu faktor yang berlakunya mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung yang datang ke Muzium Negeri Terengganu. Mereka juga ke muzium membawa anak-anak untuk mencari pengalaman dan menghayati susasana di muzium bersama-sama (Aziz, n.d.).

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Bas</b>	<b>29</b>	<b>11</b>
<b>Dan lain-lain</b>	<b>18</b>	<b>6.8</b>
<b>Kereta</b>	<b>140</b>	<b>53.2</b>
<b>Kereta, Bas</b>	<b>46</b>	<b>17.5</b>

Jadual 4.11: Jenis Pengangkutan Anda Ke Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 11 diatas, daripada dapatan kajian terhadap pengujung mendapati seramai 140 orang responden memilih menaiki “Kereta” ke muzium ataupun (53.2%). Seterusnya pengunjung yang datang dengan menaiki “Bas” seramai 29 orang ataupun (11%) yang memilih, manakala seramai 18 orang responden memilih menaiki pengangkutan “Dan lain-lain” ataupun (6.8%). Selain itu, sebanyak 46 orang menaiki “Bas, Kereta” ataupun (17.5%). Hal ini kerana ramai dikalangan responden yang hadir ke muzium dengan menaiki

kereta sendiri. Hal ini berkemungkinan dengan menaiki kereta sendiri lebih selesa dan jimat kos kewangan untuk ke muzium.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sosial Media</b>	<b>40</b>	<b>15.2</b>
<b>Lain-lain</b>	<b>27</b>	<b>10.3</b>
<b>Ahli Keluarga</b>	<b>21</b>	<b>8.0</b>
<b>Rakan</b>	<b>20</b>	<b>7.6</b>
<b>Laman Web Rasmi Muzium Negeri Terengganu</b>	<b>15</b>	<b>5.7</b>
<b>Laman Web Rasmi Muzium Negeri Terengganu, Rakan, Sosial Media</b>	<b>12</b>	<b>4.6</b>
<b>Laman Web Rasmi Muzium Negeri Terengganu, Sosial Media</b>	<b>12</b>	<b>4.6</b>
<b>Surat Khabar, Laman Web Rasmi Muzium Negeri Terengganu, Sosial Media</b>	<b>8</b>	<b>3.0</b>
<b>Rakan, Sosial Media</b>	<b>8</b>	<b>3.0</b>

Jadual 4.12: Bagaimanakah Anda Mengetahui Tentang Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 12 diatas, daripada dapatan kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa majoriti pengunjung mengetahui tentang Muzium Negeri Terenggamu adalah melalui “Sosial Media” iaitu seramai 40 orang (15.2%). Manakala melalui “Lain-lain” seramai 27 orang (10.3%) dan ada juga mereka mengetahui melalui “Ahli Keluarga” seramai 21 orang (8%). Seterusnya, melalui “Rakan” adalah seramai 20 orang (7.6%). Selain itu,



melalui “Laman Web Rasmi Muzium Negeri Terengganu” iaitu seramai 15 orang (5.7%) dan melalui “Laman Web Rasmi Muzium Negeri Terengganu, Rakan, Sosial Media” dan “Laman Web Muzium Negeri Terengganu, Sosial Media” masing-masing seramai 12 orang (4.6%). Yang terakhir melalui “Surat Khabar, Laman Wen Rasmi Muzium Terengganu, Sosial Media” dan “Rakan, Sosial Media” masing-masing seramai lapan orang (3%). Hal ini kerana pihak muzium kurang mempermosikan muzium melalui surat khabar tambahan pula pada zaman teknologi ini sudah kurang individu yang gemar membaca surat khabar, mereka lebih gemar membaca berita hanya menggunakan telefon pintar sahaja.

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
<b>Tidak</b>	11	4.2
<b>Ya</b>	252	95.8
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.13: Adalah Anda Berpuas Hati Tentang Maklumat Disetiap Galeri

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 13 diatas, sebanyak 252 orang responden yang memilih “Ya” ataupun (95.8%) menyatakan bahawa mereka berpuas hati dengan maklumat disetiap sudut galeri Muzium Negeri Terengganu. Manakala, seramai 11 orang responden ataupun (4.2%) yang “Tidak” berpuas hati tentang maklumat disetiap sudut galeri. Hal ini berkemungkinan individu yang tidak berpuas hati kerana maklumat yang mereka ingini tidak mencukupi untuk menyiapkan tugas mereka. Oleh itu, pihak muzium perlu memberi maklumat yang lebih mendalam di setiap sudut galeri.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Tidak</b>	2	0.8
<b>Ya</b>	261	99.2
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.14: Adakah Muzium Negeri Terengganu Ini Memberi Manfaat Kepada Pengunjung Yang Melawat Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 14 diatas, seramai 261 orang responden yang memilih “Ya” ataupun (99.2%) yang menyatakan Muzium Negeri Terengganu ini memberi manfaat kepada pengunjung. Manakala, dua orang responden memilih “Tidak” ataupun (0.8%) mengatakan Muzium Negeri Terengganu ini tidak memberi manfaat kepada pengunjung. Daripada hasil dapatan ini seramai 261 orang responden yang berpuas hati dengan manfaat yang mereka perolehi daripada muzium tersebut. Oleh itu, semakin ramai individu yang berpendapat yang muzium ini merupakan tempat untuk menambah ilmu pengetahuan yang mendalam. Rata-rata pengunjung yang melawat muzium kerana ingin melihat pameran. Semakin ramai pelawat yang melawati muzium semakin tersebar muzium Negeri Terengganu di negeri-negeri lain.

Secara keseluruhan bagi objektif pertama ini bagi teori kajian yang digunakan teori kepuasan pengguna dan membezakan dengan tiga factor iaitu factor asas, factor keseronokan dan factor prestasi. Di dalam objektif ini lebih berfokuskan pada teori factor keseronokan. Hal ini kerana teori kepuasan pengguna ini menjadi penentu bagi kepuasan apabila pengunjung yang berkunjung ke muzium berpuas hati dengan pihak muzium dengan adanya

aktiviti yang berfaedah dan aktiviti yang mengeratkan hubungan kekeluargaan yang telah dijalankan di muzium tersebut (John, 2009).

#### 4.2 Kategori Pelawat Yang Berkunjung Ke Muzium Negeri Terengganu

##### 4.2.1 Peneroka

Kategori pelawat yang pertama ialah peneroka. Peneroka tidak mempunyai matlamat yang ditetapkan semasa memasuki muzium. Peneroka akan menemui perkara yang menarik minat mereka untuk ke muzium. Menurut John Falk (2009), analogi antara penerokaan dan pembeli yang suka menyemak imbas tanpa item tertentu dalam fikiran. Untuk peneroka membaca label dan meluangkan masa yang sangat lama di dalam pameran (John, 2009).

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	104	39.5
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	19	7.2
<b>Sederhana Setuju</b>	29	11.0
<b>Setuju</b>	108	41.1
<b>Tidak Setuju</b>	3	1.1
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.15: Saya Berminat Menjelajah Koleksi Dalam Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 15 diatas, majoriti pengunjung bersetuju bahawa mereka hadir ke muzium sebagai peneroka. Untuk soalan yang pertama adalah “saya berminat menjelajah

koleksi dalam muzium Negeri Terengganu” majoriti seramai 108 orang responden (41.1%) yang memilih “Setuju”, manakala bagi “Sangat Setuju” seramai 104 orang responden (39.5%) memilihnya. Untuk “Sederhana Setuju” seramai 29 orang (11%) yang memilihnya. Bagi “Sangat Tidak Setuju” sebanyak 19 orang (7.2%), manakala untuk “Tidak Setuju” seramai tiga orang (1.1%) sahaja. Nilai peratusan ini adalah tentang kategori peneroka yang berkunjung ke muzium Negeri Terengganu. Majoriti mereka ke muzium sebagai peneroka yang penjung yang berminat untuk menjelajah koleksi.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	107	40.7
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	18	6.8
<b>Sederhana Setuju</b>	28	10.6
<b>Setuju</b>	105	39.9
<b>Tidak Setuju</b>	5	1.9
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.16: Saya Berminat Melihat Koleksi Yang Dipamerkan

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 16 diatas, soalan “saya berminat melihat koleksi yang dipamerkan” seramai 105 orang responden (39.9%) memilih “Setuju” manakala 107 orang responden (40.7%) yang memilih “Sangat Setuju”. Untuk tahap “Sederhana Setuju” seramai 28 orang responden (10.6%) manakala untuk “Sangat Tidak Setuju” seramai 18 orang (6.8%) dan bagi “Tidak Setuju” seramai lima orang sahaja (1.9%). Seperti yang kita lihat kebanyakan peneroka yang memilih skala sangat setuju dan setuju kerana mereka suka

melihat koleksi yang dipamerkan oleh pihak muzium. Hal ini kerana setiap muzium mempunyai pameran yang tersendiri untuk menarik minat pengunjung.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	107	40.7
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	19	7.2
<b>Sederhana Setuju</b>	30	11.4
<b>Setuju</b>	103	39.2
<b>Tidak Setuju</b>	4	1.5
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.17: Saya Ke Muzium Negeri Terengganu Kerana Ingin Mengetahui Koleksi Yang Terdapat Di Muzium

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 17 diatas, bagi soalan “saya ke muzium Negeri Terengganu kerana ingin mengetahui koleksi yang terdapat di muzium” tersebut ramai yang memilih “Sangat Setuju” sebanyak 107 orang responden (40.7%) manakala bagi “Setuju” seramai 103 orang (39.2%). Manakala bagi “Sederhana Setuju” seramai 30 orang responden (11.4%) yang memilihnya. Untuk skala “Sangat Tidak Setuju” seramai 19 orang responden (7.2%) sahaja. Manakala bagi skala “Tidak Setuju” seramai empat orang sahaja (1.5%). Hal ini kerana, mungkin responden yang melawat muzium terdiri daripada seseorang yang ingin mengkaji dan ingin mengetahui koleksi yang terdapat di muzium. Ada sesetengah individu yang kerap ke muzium Negeri Terengganu untuk mengetahui perubahan koleksi dan penambahan koleksi di muzium tersebut.

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	62	23.6
Sangat Tidak Setuju	18	6.8
Sederhana Setuju	59	22.4
Setuju	99	37.6
Tidak Setuju	25	9.5
Total	263	100.0

Jadual 4.18: Saya Hanya Suka Membaca Label Dan Meluangkan Masa Saya Dalam Pameran Sahaja

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 18 diatas, bagi soalan “saya hanya suka membaca label dan meluangkan masa saya dalam pameran sahaja”. Ramai responden yang memilih “Setuju” dengan sebanyak 99 orang responden (37.6%). Manakala bagi “Sangat setuju” seramai 62 orang responden (23.6%). Manakala bagi “Sederhana Setuju” seramai 59 orang responden (22.4%) memilihnya. Bagi “Tidak Setuju” pula seramai 25 orang (9.5%) yang memilih manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” seramai 18 orang responden (6.8%). Hal ini terbukti pelawat sangat gemar membaca label yang disediakan di setiap sudut dan pelawat sanggup menghabiskan masa untuk memerhati pameran. Sesetengah pelawat akan menghabiskan masa selamat satu hari untuk berada didalam muzium untuk membaca label dan memahami pameran.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	92	35.0
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	18	6.8
<b>Sederhana Setuju</b>	44	16.7
<b>Setuju</b>	100	38.0
<b>Tidak Setuju</b>	9	3.4
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.19: Saya Ke Muzium Kerana Saya Suka Akan Suasana Di Dalam Muzium

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 19 diatas, soalnya ialah “saya ke muzium kerana saya suka akan suasana di dalam muzium” ramai pengunjung yang memilih “Setuju” iaitu 100 orang (38%). Manakala untuk “Sangat Setuju” adalah 92 orang (35%) yang memilihnya. Tetapi bagi “Sederhana Setuju” adalah seramai 44 orang (16.7%) dan untuk “Sangat Tidak Setuju” seramai 18 orang responden (6.8%) begitu juga dengan “Tidak Setuju” seramai sembilan orang responden (3.4%). Jelaslah bahawa, kebanyakan pelancong yang datang ke muzium sebagai peneroka kerana mereka gemar untuk menjelajah koleksi yang berada di dalam muzium Negeri Terengganu. Setiap individu mempunyai gaya kehidupan tersendiri. Hal ini terbukti kerana ada juga dikalangan pengunjung yang ke muzium Negeri Terengganu yang tidak menyukai suasana di muzium tersebut. Hal ini disebabkan setiap muzium mempunyai cahaya yang suram dan cahaya yang tidak menyeronokkan pengunjung. Tetapi cahaya memainkan perana penting dalam menjaga sesuatu objek. Kerana setiap objek mempunyai tahap ketinggian cahaya yang tersendiri.

Secara keseluruhannya, peneroka adalah individu yang ingin mengambil tahu dan gemar mengembangkan pengetahuan mereka tentang sesuatu koleksi atau artifak (John,

2009). Bagi teori yang digunakan iaitu teori kepuasan kerana golongan peneroka ini berpuas hati dengan pameran kerana mereka gemar memerhatikan koleksi yang menarik minat mereka sahaja (Ir Harry, n.d.).

#### 4.2.2 Fasilitator

Kategori yang kedua ialah fasilitator. Fasilitator adalah ibu bapa, rakan, guru sekolah dan lain-lain yang memudahkan pengalaman pergi muzium bersama orang lain. Fasilitator juga merupakan individu yang akan membantu sekumpulan orang untuk bekerjasama dengan baik. Tugas fasilitator adalah memberi penerangan mengenai karya-karya atau artifak yang berada di muzium sehingga penerangannya difahami oleh orang ramai. Individu yang menjadi fasilitator hendaklah mendalami, dan memahami tentang karya atau artifak supaya penyampaian mudah difahami (John, 2009).

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	43	16.3
Sangat Tidak Setuju	37	14.1
Sederhana Setuju	51	19.4
Setuju	85	32.3
Tidak Setuju	47	17.9
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.20: Saya Membawa Anak-Anak Ke Muzium Untuk Menyiapkan Kerja Sekolah

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 20 diatas, hasil dapatan kajian yang telah dijalankan mendapati kategori fasilitator adalah kebanyakan dikalangan ibu bapa yang hadir. Bagi soalan yang



pertama ialah “saya membawa anak-anak ke muzium untuk menyiapkan kerja sekolah” seramai 85 orang responden (32.3%) yang “Setuju”, manakala untuk “Sederhana Setuju” seramai 51 orang (19.4%) dan bagi “Tidak Setuju” seramai 47 orang (17.9%). Untuk pemilihan “Sangat Setuju” seramai 43 orang (16.3%) dan untuk “Sangat Tidak Setuju” seramai 37 orang responden (14.1%). Hal ini jelas membuktikan bahawa pengunjung yang datang adalah untuk membawa pelajar dan anak-anak untuk memahami tentang sejarah-sejarah terdahulu dan mempelajari budaya sesuatu tempat.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	69	26.2
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	30	11.4
<b>Sederhana Setuju</b>	61	23.2
<b>Setuju</b>	83	31.6
<b>Tidak Setuju</b>	20	7.6
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.21: Saya Suka Membawa Kawan-Kawan Saya Ke Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 21 diatas, “saya suka membawa kawan-kawan saya ke muzium” seramai 83 orang ataupun (31.6%) memilih “Setuju” dan diikuti seramai 69 orang (26.2%) memilih “Sangat Setuju”. Manakala untuk “Sederhana Setuju” seramai 61 orang responden (23.2%). Untuk “Sangat Tidak Setuju” seramai 30 orang responden (11.4%) dan bagi “Tidak Setuju” seramai 20 orang responden (7.6%). untuk soalan kedua ini hanya segelintir individu

sahaja yang gemar membawa rakan-rakan ke muzium Negeri Terengganu, hal ini kerana mereka gemar datang bersama keluarga dan pasangan ke muzium.

<b>Pilihan Jawpan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	87	33.1
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	38	14.4
<b>Sederhana Setuju</b>	39	14.8
<b>Setuju</b>	80	30.4
<b>Tidak Setuju</b>	19	7.2
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.22: Saya Membawa Lawatan Sekolah Ke Muzium Untuk Para Pelajar Lebih Mengetahui Tentang Artifak

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 22 diatas, soalnya ialah “saya membawa lawatan sekolah ke muzium untuk para pelajar lebih mengetahui tentang artifak”. Kebanyakan pengunjung yang memilih “Sangat Setuju” seramai 87 orang (33.1%). Manakala seramai 80 orang ataupun (30.4%) yang memilih “Setuju” dan seramai 39 orang responden (14.8%) yang memilih “Sederhana Setuju”. Seterusnya seramai 38 orang responden (14.4%) yang memilih “Sangat Tidak Setuju” dan bagi “Tidak Setuju” seramai 19 orang (7.2%) sahaja. Hal ini terbukti tidak semua pelawat yang kerap ke muzium untuk membawa lawatan sekolah ke muzium. Untuk golongan ini hanya guru-guru sekolah sahaja yang bersetuju untuk memilih setuju, sangat setuju dan sederhana setuju. Tambahan pula, golongan guru-guru ini setiap tahun

mengadakan lawatan sambil belajar ke muzium Negeri Terengganu untuk sekolah-sekolah dalam Negeri Terengganu.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	107	40.7
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	29	11.0
<b>Sederhana Setuju</b>	36	13.7
<b>Setuju</b>	83	31.6
<b>Tidak Setuju</b>	8	3.0
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.23: Saya Membawa Anak-Anak Untuk Mencari Pengalaman Baru Di Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 23 diatas, soalnya ialah “saya membawa anak-anak untuk mencari pengalaman baru di muzium”. Bagi soalan ini seramai 107 orang (40.7%) yang memilih “Sangat Setuju” manakala bagi skala “Setuju” seramai 83 orang responden (31.6%). Selain itu, bagi “Sederhana Setuju” seramai 36 orang (13.7%) yang memilihnya. Manakala bagi yang memilih skala “Sangat Tidak Setuju” seramai 29 orang responden (11%) dan bagi “Tidak Setuju” seramai lapan orang sahaja (3%). Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengunjung yang datang ke muzium membawa anak-anak untuk mencari pengalaman baru. Hal ini terbukti kerana majoriti responden bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	70	26.6
Sangat Tidak Setuju	36	13.7
Sederhana Setuju	45	17.1
Setuju	94	35.7
Tidak Setuju	18	6.8
<b>Total</b>	<b>263</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4.24: Saya Membawa Pelajar Kerana Terdapat Pelbagai Aktiviti Di Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 24 diatas, bagi soalan “saya membawa pelajar kerana terdapat pelbagai aktiviti di muzium”. Seramai 94 orang responden (35.7%) yang memilih skala “Setuju” dan 70 orang responden (26.6%) memilih skala “Sangat Setuju”. Manakala bagi skala “Sederhana Setuju” seramai 45 orang (17.1%) yang memilih dan bagi skala s”Sangat Tidak Setuju” seramai 36 orang (13.7%). Bagi skala yang terakhir seramai 18 orang (6.8%) yang memilih “Tidak Setuju”. Oleh itu, kebanyakan pengunjung yang hadir untuk membawa anak-anak mencari pengalaman yang baru di muzium. Ini dapat memberi pendedahan awal kepada anak-anak tentang sejarah sesuatu objek.

Berdasarkan kajian lepas, fasilitator ini terdiri daripada ibu bapa, guru dan rakan. Ha ini kerana golongan ini berperanan penting untuk membawa anak-anak, pelajar dan rakan ke sesuatu tempat untuk dipelajari seperti muzium(Mohd Zaini, 2021). Bagi teori kajian yang boleh dikaitan adalah faktor keseronokan. Hal ini kerana pengunjung seronok ataupun

terhibur dengan aktiviti dan pameran yang dipamerkan. Malah mereka juga seronok dapat meluangkan masa dengan kawan-kawan, ibubapa dan guru (Ir Harry, n.d.).

#### 4.2.3 Pencari Pengalaman

Kategori yang ketiga adalah pencari pengalaman. Individu melawat muzium untuk mencari pengalaman baharu dan menarik. Selalunya memilih menghabiskan masa yang lama dan tenaga di muzium untuk melihat segala-galanya. Ia juga individu yang suka mengambil gambar di muzium dan menikmati pameran interaktif (John, 2009)

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
<b>Sangat Setuju</b>	100	38.0
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	17	6.5
<b>Sederhana Setuju</b>	41	15.6
<b>Setuju</b>	100	38.0
<b>Tidak Setuju</b>	5	1.9
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.25: Saya Melawati Muzium Untuk Mencari Pengalaman Baru

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 25 diatas, hasil dapatan kajian ini mendapati bagi soalan “saya melawati muzium untuk mencari pengalaman baru” seramai 100 orang (38%) memilih skala “Setuju” manakala seramai 100 orang (38%) yang memilih skala “Sangat Setuju”. Manakala bagi skala “Sederhana Setuju” seramai 41 orang (15.6%) memilihnya. Bagi skala “Sangat

Tidak Setuju” seramai 17 orang (6.5%) dan bagi skala “Tidak Setuju” seramai 5 orang responden (1.9%) yang memilih. Secara keseluruhan majoriti memilih setuju dengan pernyataan untuk mencari pengalaman baru. Tetapi pernyataan ini kebanyakan responden yang memilih hanya pernah berkunjung sekali sahaja. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa pengunjung ada yang baru sekali berkunjung ke muzium Negeri Terengganu.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	75	28.5
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	17	6.5
<b>Sederhana Setuju</b>	57	21.7
<b>Setuju</b>	104	39.5
<b>Tidak Setuju</b>	10	3.8
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.26: Saya Suka Menghabiskan Masa Dan Tenaga Saya Untuk Melihat Pameran Di Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 26 diatas, “saya suka menghabiskan masa dan tenaga saya untuk melihat pameran di muzium” seramai 104 orang (39.5%) yang memilih skala “Setuju”. Manakala bagi skala “Sangat Setuju” seramai 75 orang responden (28.5%) memilihnya dan untuk skala “Sangat Tidak Setuju” seramai 17 orang (6.5%). Manakala bagi skala “Sederhana setuju” 57 orang responden (21.7%). Bagi skala “Tidak Setuju” 10 orang responden (3.8%). Bagi pernyataan ini hanya golongan yang gemar mencari pengalaman baru sahaja yang

memilih. Hal ini kerana mereka akan berkunjung ke muzium hanya sekali sahaja untuk mencari pengalam dan kemudian mereka akan mencari pengalam baru di muzium berlain juga.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	73	27.8
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	17	6.5
<b>Sederhana Setuju</b>	58	22.1
<b>Setuju</b>	104	39.5
<b>Tidak Setuju</b>	11	4.2
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.27: Saya Suka Melakukan Ativiti Semasa Berada Di Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 27 diatas, bagi soalan “saya suka melakukan aktiviti semasa berada di muzium” ramai responden memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 104 orang (39.5%) manakala bagi skala “Sangat Setuju” seramai 73 orang responden (27.8%) memilihnya. Bagi skala “Sederhana Setuju” seramai 58 orang (22.1%) memilihnya dan perbezaan antara “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju” berbeza sedikit sahaja iaitu tidak setuju seramai 11 orang (4.2%) dan sangat tidak setuju seramai 17 orang responden (6.5%). Setiap responden mempunyai aktiviti berlainan yang mereka suka di muzium. Setiap muzium mempunyai aktiviti yang menarik minat pengunjung untuk ke muzium Negeri Terengganu. Tambahan pula, pada waktu cuti mereka akan ke muzium untuk berkerjasama melakukan aktiviti di muzium.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	111	42.2
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	14	5.3
<b>Sederhana Setuju</b>	35	13.3
<b>Setuju</b>	93	35.4
<b>Tidak Setuju</b>	10	3.8
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.28: Saya Suka Mengambil Gambar Di Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 28 diatas, berdasarkan soalan “saya suka mengambil gambar di muzium” seramai 111 orang responden (42.2%) yang memilih “Sangat Setuju” manakala bagi skala “Setuju” hanya 93 sahaja responden (35.4%) yang memilih. Bagi skala “Sederhana Setuju” seramai 35 orang (13.3%) dan diikuti skala “Tidak Setuju” seramai 11 orang (3.8%) dan bagi “Sangat Tidak Setuju” seramai 14 orang responden (5.3%). Setiap pengunjung yang hadir akan mengambil gambar setiap koleksi. Tambahan pula, bagi koleksi yang jarang ditemui di muzium lain, mereka akan mengambil gambar untuk dijadikan sebagai kenangan dan sebagai rujukan nanti. Hal ini terbukti kerana seramai 114 yang memilih sangat setuju yang mengambil gambar di muzium tersebut.



<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	83	31.6
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	23	8.7
<b>Sederhana Setuju</b>	48	18.3
<b>Setuju</b>	87	33.1
<b>Tidak Setuju</b>	22	8.4
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.29: Saya Fokus Kepada Sesetengah Koleksi Yang Menarik Perhatian Saya Sahaja

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 29 diatas, soalnya ialah “saya fokus kepada sesetengah koleksi yang menarik perhatian saya sahaja” ramai yang memilih skala “Setuju” dengan sebanyak 87 orang (33.1%) sahaja. Manakala untuk skala “Sangat Setuju” adalah seramai 83 orang responden (31.6%) dan diikuti dengan skala “Sederhana Setuju” seramai 48 orang responden (18.3%). Bagi skala “Tidak Setuju” seramai 22 orang (8.4%) dan untuk skala “Sangat Tidak Setuju” seramai 23 orang responden (8.7%). Hal ini terbukti bagi pencari pengalaman ini kebanyakan pengunjung ke muzium untuk bergambar dan mencari pengalaman yang baru di muzium. Hal ini kerana di setiap sudut muzium mempunyai sudut yang cantik untuk mengambil gambar dan setiap artifak yang ada membuatkan pengunjung gemar mengambil gambar.

Secara keseluruhan bagi pencari pengalaman, golongan ini akan mengumpul pengalaman yang mereka sendiri lakukan apabila berada disesuatu tempat, bangunan atau muzium. Tetapi mereka akan mencari perkara yang menyeronokkan sahaja untuk dilakukan pada hujung minggu (John, 2009). Hal ini mempunyai kaitan dengan teori kepuasan pengguna dalam faktor keseronokan kerana golongan pencari pengalaman ini hanya fokuskan kepada aktiviti yang menyeronokkan mereka sahaja. Malah pencari pengalaman akan menjadi pelawat tetap apabila berjumpa muzium yang ikonik yang besar (Ir Harry, n.d.).

#### 4.2.4 Profesional

Kategori yang keempat ialah professional atau pengembara muzium. Individu tahu tentang perkara di muzium yang mendalam. Individu ini juga memberi tumpuan untuk mempelajari lebih lanjut mengenainya atau mencari jawapan kepada soalan yang dicari. Pengembara cenderung mempunyai idea tentang perkara yang ingin beliau lihat sebelum beliau memasuki muzium dan mengetahui cara terbaik untuk ke sana (John, 2009).

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	58	22.1
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	34	12.9
<b>Sederhana Setuju</b>	60	22.8
<b>Setuju</b>	58	22.1
<b>Tidak Setuju</b>	53	20.2
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.30: Saya Ke Muzium Kerana Muzium Mempunyai Kaitan Dengan Bidang Pengajian

Saya

Sumber: Kajian Lapangan.2022

Berdasarkan jadual 30 diatas, hasil kajian ini memdapati soalan “saya ke muzium kerana muzium mempunyai kaitan dengan bidang pengajian saya”, bagi skala “Sangat Setuju” dan “Setuju” seramai 58 orang (21.1%) manakala bagi “Sederhana Sejutu” seramai 60 orang responden (22.8%). Namun, bagi “Tidak Setuju” seramai 53 orang (20.2%) dan bagi “Sangat Tidak Setuju” seramai 34 orang (12.9%). Berdasarkan keputusan peratusan tersebut, kebanyakan mereka yang ke muzium disebabkan mempunyai kaitan dengan bidang pengajian lebih-lebih lagi pelajar ijazah yang majoriti akan ke muzium untuk mengkaji atau menyiapkan tugas mereka.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	87	33.1
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	28	10.6
<b>Sederhana Setuju</b>	49	18.6
<b>Setuju</b>	92	35.0
<b>Tidak Setuju</b>	7	2.7
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.31: Saya Ke Muzium Untuk Ingin Belajar Lebih Mendalam Tentang Koleksi Yang Dipamerkan

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 31 diatas, bagi soalan “saya ke muzium untuk ingin belajar lebih mendalam tentang koleksi yang dipamerkan” seramai 92 orang responden memilih “Setuju” (35%) manakala bagi “Sangat Setuju” ialah 87 orang (33.1%) sahaja. Bagi skala “Sederhana

Setuju” seramai 49 orang responden (18.6%) dan untuk skala “Sangat Tidak Setuju” seramai 28 orang responden (10.6%). Tetapi bilangan skala paling sedikit untuk soalan ini ialah seramai tujuh orang responden sahaja memilih “Tidak Setuju” (2.7%). Hal ini terbukti bahawa mereka yang hadir kemuzium untuk mempelajari tentang sesuatu koleksi dan mereka juga mahu mempelajari tentang sesuatu koleksi. Secara keseluruhannya, seramai 92 orang responden yang memilih setuju dengan pernyataan tersebut.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	70	26.6
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	34	12.9
<b>Sederhana Setuju</b>	42	16.0
<b>Setuju</b>	75	28.5
<b>Tidak Setuju</b>	42	16.0
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.32: Saya Ke Muzium Kerana Mempelajari Dan Mencari Jawapan Dalam Soalan Yang Ditugaskan

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 32 diatas, berdasarkan soalan “saya ke muzium kerana mempelajari dan mencari jawapan dalam soalan yang ditugaskan” seramai 75 orang (28.5%) yang memilih skala “Setuju”. Manakala, seramai 70 orang responden memilih skala “Sangat Setuju” (26.6%), Namun bagi skala “Sederhana Setuju” seramai 42 orang responden (16%) sama dengan “Tidak Setuju” iaitu 42 orang (16%). Dan bagi bilangan responden untuk “Sangat Tidak Setuju” seramai 34 orang (12.9%). Berdasarkan peratusan yang diperolehi

kebanyakkan responden ke muzium mencari jawapan untuk menyiapkan tugas mereka. Tetapi ada juga responden yang ke muzium diatas sebab-sebab tertentu.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	69	26.2
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	34	12.9
<b>Sederhana Setuju</b>	51	19.4
<b>Setuju</b>	80	30.4
<b>Tidak Setuju</b>	29	11.0
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.33: Saya Ke Muzium Kerana Mempunyai Idea Tentang Sesuatu Koleksi

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 33, berdasarkan soalan tentang “saya ke muzium kerana mempunyai idea tentang sesuatu koleksi”, hasil dapatan menunjukkan skala “Setuju” seramai 80 orang (30.4%) dan bagi skala “Sangat Setuju” seramai 69 orang (26.2%). Manakala, bagi skala “Sederhana Setuju” seramai 51 orang responden (19.4%) dan bagi skala “Tidak Setuju” seramai 29 orang (11%). Dan bagi skala “Sangat Tidak Setuju” seramai 34 orang memilihnya (12.9%). Secara keseluruhannya, pelawat yang hadir bersetuju dengan pernyataan mempunyai idea tentang sesuatu koleksi yang dipamerkan. Hal ini kerana mungkin pelawat tersebut mempunyai idea yang menarik untuk menambah baik koleksi tersebut.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	60	22.8
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	38	14.4
<b>Sederhana Setuju</b>	50	19.0
<b>Setuju</b>	70	26.6
<b>Tidak Setuju</b>	45	17.1
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.34: Saya Ke Muzium Kerana Ingin Menyiapkan Kajian Lapangan Saya

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 34 diatas, berdasarkan soalan “saya ke muzium kerana ingin menyiapkan kajian lapangan saya” skala paling tinggi ialah “Setuju” seramai 70 orang (26.6%) dan diikuti dengan skala “Sangat Setuju” seramai 60 orang responden (22.8%). Manakala, untuk skala “Sederhana Setuju” seramai 50 orang responden (19%) yang memilihnya. Tetapi ada juga yang memilih skala “Tidak Setuju” iaitu seramai 45 orang (17.1%) dan bagi skala “Sangat Tidak Setuju” seramai 38 orang (14.4%). Oleh itu, bagi permilihan untuk kategori profesional, setelah dianalisis kategori ini tidak begitu ramai ke muzium Negeri Terengganu berbanding dengan kategori lain.

Berdasarkan bab dua kategori bagi professional ini adalah paling kecil tetapi ianya sangat berpengaruh kerana individu yang ke muzium ini berpengalaman dalam bidang muzium, pengumpulan seni, dan ahli-ahli sejarah. Golongan ini biasanya mempunyai matlamat sebelum ke muzium. Oleh itu, kajian ini dapat mengetahui berapa ramai yang ke muzium sebagai professional (John, 2009). Tambahan pula, ini berkait dengan teori kepuasan

pengguna kerana pengunjung berpuas hati dengan matlamat yang mereka perolehi didalam muzium ini dan misi dan visi mereka tercapai (Ir Harry, n.d.).

#### 4.2.5 Recharger

Kategori yang kelima ialah *recharger*. Beliau mencari muzium sebagai aktiviti masa lapang yang menenangkan beliau. Beliau memberi perhatian kepada reka bentuk ruang galeri. Beliau selalunya akan duduk dan meluangkan masa yang lama di muzium. Beliau juga mungkin tidak selalu membaca semua label tetapi akan menghabiskan banyak masa melihat objek yang dipamerkan. Selepas melawat galeri atau berehat, beliau boleh meneliti kedai cenderamata atau menjamu selera di kafe muzium (John, 2009).

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
<b>Sangat Setuju</b>	74	28.1
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	19	7.2
<b>Sederhana Setuju</b>	58	22.1
<b>Setuju</b>	90	34.2
<b>Tidak Setuju</b>	22	8.4
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.35: Saya Melawat Muzium Disebabkan Inginkan Ketenangan Minda

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 35 diatas, dapatan kajian yang diperolehi bagi soalan yang pertama ialah “saya melawati muzium disebabkan inginkan ketenangan minda” seramai 90 orang (34.2%) yang memilih skala “Setuju”, kemudian diikuti oleh skala “Sangat Setuju” seramai 74 orang (28.1%). Manakala untuk skala “Sederhana Setuju” seramai 58 orang

(22.1%) yang bersetuju dengan soalan tersebut dan untuk skala “Sangat Tidak Setuju” seramai 19 orang (7.2%). Untuk soalan ini bagi skala “Tidak Setuju” seramai 22 orang responden (8.4%) yang memilih. Oleh itu, pelawat yang berkunjung ke muzium untuk tenangkan minda adalah pelawat yang suka tempat-tempat yang sunyi. Hal ini kerana mungki dengan cara tersebut mereka boleh tenangkan minda mereka.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	73	27.8
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	18	6.8
<b>Sederhana Setuju</b>	58	22.1
<b>Setuju</b>	95	36.1
<b>Tidak Setuju</b>	19	7.2
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.36: Saya Melawati Muzium Kerana Cara Susunan Objek Yang Menenangkan Saya

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 36 diatas, bagi soalan “saya melawati muzium kerana cara susunan objek yang menenangkan saya” ramai responden yang memilih “Setuju” sebanyak 95 orang (36.1%). Manakala bagi “Sangat Setuju” seramai 73 orang (27.8%). Responden yang menjawab “Sederhana Setuju” adalah seramai 58 orang (22.1%) responden. Bilangan responden yang memilih “Tidak Setuju” adalah sebanyak 19 orang (7.2%) responden. Tetapi bagi responden yang memilih “Sangat Tidak Setuju” seramai 18 orang (6.8%) responden. Golongan ini mereka suka memerhati sesuatu objek dan cara objek tersebut disusun. Ada sesetengah pelawat yang mereka suka melihat cara pihak muzium susun objek dan ada juga



dikalangan mereka mengambil cara tersebut untuk mereka susun objek tersebut barang di rumah mereka.

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	47	17.9
Sangat Tidak Setuju	46	17.5
Sederhana Setuju	58	22.1
Setuju	50	19.0
Tidak Setuju	62	23.6
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.37: Saya Melawati Muzium Kerana Ingin Menghabiskan Masa Di Cafe Muzium

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 37 diatas, berdasarkan soalan “saya melawati muzium kerana ingin menghabiskan masa di cafe muzium” kebanyakan responden memilih “Tidak Setuju” iaitu 62 orang (23.6%) dan diikuti dengan responden yang memilih “Sederhana Setuju” sebanyak 58 orang (22.1%) responden. Manakala, bagi skala “Setuju” sebanyak 50 orang responden (19%) dan bagi skala “Sangat Setuju” seramai 47 orang (17.9%) responden. Bagi skala “Sangat Tidak Setuju” sebanyak 46 orang responden (17.5%) yang memilih. Jumlah peratusan yang paling tinggi adalah daripada responden yang memilih tidak setuju. Oleh itu, pelawat yang melawati muzium tidak berminat untuk menghabiskan masa mereka hanya di kafe muzium tersebut.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	56	21.3
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	32	12.2
<b>Sederhana Setuju</b>	69	26.2
<b>Setuju</b>	68	25.9
<b>Tidak Setuju</b>	38	14.4
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.38: Saya Selalu Duduk Dan Meluangkan Masa Saya Di Galeri

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 38 diatas, soalnya ialah “saya selalu duduk dan meluangkan masa saya di galeri” bagi skala “Sederhana Setuju” sebanyak 69 orang (26.2%) manakala bilangan responden yang memilih “Setuju” adalah seramai 68 orang (25.9%) responden. Bagi skala “Sangat Setuju” seramai 56 orang (21.3%) yang memilih dan bilangan responden yang memilih “Tidak Setuju” seramai 38 orang (14.4%) yang memilih. Tetapi bagi skala “Sangat Tidak Setuju” sebanyak 32 orang responden (12.2%). Jumlah peratusan yang paling tinggi ialah daripada responden yang memilih sederhana setuju. Hal ini kerana mereka lebih suka berjalan untuk melihat pameran daripada hanya menghabiskan masa untuk duduk sahaja. Ini menunjukkan pelawat yang hadir ke muzium lebih gemar berjalan untuk memerhatikan sesuatu objek.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	56	21.3
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	42	16.0
<b>Sederhana Setuju</b>	64	24.3
<b>Setuju</b>	57	21.7
<b>Tidak Setuju</b>	44	16.7
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.39: Saya Tidak Membaca Label Tetapi Saya Menghasilkan Masa Hanya Melihat Koleksi Yang Dipamerkan

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 39 diatas, bagi pernyataan “saya tidak membaca label tetapi saya menghasilkan masa hanya melihat koleksi yang dipamerkan” bilangan responden yang memilih “Setuju” sebanyak 57 orang (21.7%) responden. Manakala bilangan responden yang memilih “Sangat Setuju” seramai 56 orang (21.3%) dan bilangan responden yang memilih “Sederhana Setuju” seramai 64 orang (24.3%). Bilangan responden yang memilih “Tidak Setuju” sebanyak 44 orang (16.7%) dan akhir sekali, bilangan responden yang memilih “Sangat Tidak Setuju” sebanyak 42 orang (16%) responden. Hal ini kerana peratusan responden yang memilih soalan “saya melawati muzium disebabkan inginkan ketenangan minda” dan “saya melawati muzium kerana cara susunan objek yang menenangkan saya” kerana kebanyakan pengunjung yang suka suasana dan susun atur objek akan menyebabkan mereka tenang untuk memerhati sesuatu objek.

Berdasarkan bab dua yang pengkaji dapati pengecasan semula ini individu yang gemarkan ketenangan. Seseengah individu yang kerap ke muzium untuk mengelak daripada dunia luar dan dijadikan muzium sebagai tempat untuk berehat daripada masalah. Kategori ini adalah kategori yang paling redah berbanding yang lain, kerana kebanyak pengunjung ke muzium bukan untuk mengecasan semula tetapi untuk mempelajari tentang sesuatu objek atau koleksi (John, 2009).

### 4.3 Faktor Kekerapan Lawatan Pengunjung Ke Muzium Negeri Terengganu

#### 4.3.1 Bahagian manakah yang menarik minat anda ke muzium negeri terengganu

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Galeri Di Raja</b>	8	3.0
<b>Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah</b>	6	2.3
<b>Galeri Islam</b>	8	3.0
<b>Galeri Kraf</b>	7	2.7
<b>Galeri Kraf, Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah</b>	8	3.0
<b>Galeri Sejarah</b>	32	12.2
<b>Galeri Tekstil</b>	9	3.4
<b>Galeri Tekstil, Galeri Kraf, Galeri Di Raja</b>	5	1.9
<b>Galeri Tekstil, Galeri Kraf, Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah</b>	6	2.3
<b>Galeri Tekstil, Galeri Kraf, Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah, Galeri Sumber Alam &amp; Ekonomi, Galeri Pelayaran &amp; Perdagangan, Galeri Perikanan &amp; Taman Laut</b>	40	15.2

Jadual 4.40: Bahagian Manakah Yang Menarik Minat Anda Ke Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 40 di atas, hasil analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa faktor kekerapan lawatan kerana mereka berminat ke “Galeri Tekstil, Galeri Kraf, Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah, Galeri Sumber Alam & Ekonomi, Galeri Pelayaran & Perdagangan, Galeri Perikanan & Taman Laut” seramai 40 orang (15.2%) responden yang memilih. Seterusnya, sebanyak 32 orang memilih “Galeri Sejarah” (12.2%) dan “Galeri

Tekstil” seramai sembilan orang (3.4%) responden. Manakala bagi “Galeri Di Raja”, “Galeri Islam”, “Galeri Kraf, Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah” masing-masing seramai lapan orang (3%) bagi setiap galeri yang dipilih. Selain itu, seramai tujuh orang (2.7%) responden yang memilih “Galeri Kraf” dan bagi “Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah” dan “Galeri Tekstil, Galeri Kraf, Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah” masing-masing enam orang yang memilih (2.3%). Yang terakhir galeri yang mempunyai sambutan adalah “Galeri Tekstil, Galeri Kraf, Galeri Di Raja” iaitu lima orang (1.9%) responden. Oleh itu, galeri yang mempunyai pilihan yang paling tinggi ialah “Galeri Tekstil, Galeri Kraf, Galeri Di Raja, Galeri Islam, Galeri Sejarah, Galeri Sumber Alam & Ekonomi, Galeri Pelayaran & Perdagangan, Galeri Perikanan & Taman Laut” iaiti seramai 40 orang yang memilih galeri yang sama berbanding galeri yang lain. Hal ini kerana galeri tersebut mempunyai tarikkan tersendiri yang hendak disampaikan oleh pengunjung dan menyebabkan pengunjung kerap ke muzium untuk melawati galeri tersebut. Hasil kajian ini mendapati berkaitan dengan teori kepuasan pengguna. Hal ini kerana ramai pengunjung yang berpuas hati dengan pihak muzium mempamerkan koleksi-koleksi yang menarik dan bermanfaat kepada pengunjung (Ir Harry, n.d.).

#### 4.3.2 Faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke Muzium Negeri, Terengganu

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	80	30.4
Sangat Tidak Setuju	3	1.1
Sederhana Setuju	57	21.7
Setuju	120	45.6
Tidak Setuju	3	1.1
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.41: Pameran Di Muzium Negeri Terengganu Mengikut Peredaran Zaman

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 41 diatas, dapatan kajian yang telah dijalankan, mendapati bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke Muzium Negeri Terengganu adalah kerana “pameran di muzium Negeri Terengganu mengikut peredaran zaman” kebanyakan responden memilih “Setuju” sebanyak 120 orang (45.6%). Manakala bilangan responden bagi “Sangat Setuju” adalah 80 orang (30.4%) responden dan bagi responden yang memilih “Sederhana Setuju” seramai 57 orang (21.7%). Seterusnya, bagi bilangan responden “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju” masing-masing seramai tiga orang (1.1%) responden. Secara keseluruhannya, majoriti pelawat bersetuju bahawa muzium Negeri Terengganu mengikut peredaran zaman. Hal ini terbukti di muzium Negeri Terengganu mempamerkan dinosaur untuk kanak-kanak. Oleh itu, pelawat tidak bosan untuk membawa anak-anak ke muzium untuk melihat pameran dinosaur tersebut (Suci Wulandari, n.d.).

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
Sangat Setuju	109	41.4
Sangat Tidak Setuju	1	0.4
Sederhana Setuju	30	11.4
Setuju	122	46.4
Tidak Setuju	1	0.4
<b>Total</b>	<b>263</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4.42: Adakah Ruang Di Dalam Muzium Negeri Terengganu Besar Dan Selesa

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 42 diatas bagi item “adakah ruang di muzium Negeri Terengganu besar dan luas” bilangan responden yang paling tinggi ialah 122 orang (46.4%) skala “Setuju”. Seterusnya, responden yang memilih “Sangat Setuju” seramai 109 orang (41.4%) responden dan bilangan responden bagi “Sederhana Setuju” seramai 30 orang (11.4%). Selain itu, responden bagi “Tidak Setuju” seramai seorang (0.4%) dan yang terakhir bagi “Sangat Tidak Setuju” seorang (0.4%) dipilih oleh responden. Setiap pelawat yang berkunjung ke muzium inginkan ruang yang luas dan selesa untuk melihat pameran. Hal ini terbukti muzium Negeri Terengganu mempunyai ruang yang besar dan luas untuk pengunjung menikmatinya. Tambahan pula, muzium Negeri Terengganu merupakan muzium yang terbesar di dalam Asia.



<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	118	44.9
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	1	0.4
<b>Sederhana Setuju</b>	26	9.9
<b>Setuju</b>	118	44.9
<b>Tidak Setuju</b>	0	0
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.43: Pameran Ini Meluaskan Pengetahuan Saya

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 43 diatas, bilangan responden untuk pernyataan “pameran ini meluaskan pengetahuan saya” ramai yang memilih “Setuju” iaitu sebanyak 118 orang (44.9%) responden. Seterusnya, responden yang memilih “Sangat Setuju” 108 orang (44.9%) responden dan nilangan responden bagi “Sederhana Setuju” seramai 26 orang (9.9%). Manakala bagi responden yang memilih “Sangat Tidak Setuju” seramai seorang (0.4%) dan bagi responden yang memilih “Tidak Setuju” adalah kosong. Secara keseluruhannya, majoriti responden memilih setuju yang paling tinggi bahawa pameran ini meluaskan pengetahuan saya apabila berada di muzium tersebut. Hal ini kerana peratusan responden bersetuju bahawa pameran ini membantu pelawat menambah ilmu pengetahuan mereka.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	101	38.4
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	1	0.4
<b>Sederhana Setuju</b>	30	11.4
<b>Setuju</b>	129	49.0
<b>Tidak Setuju</b>	2	0.8
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.44: Kunjungan Penuh Dengan Aktiviti Yang Berfaedah

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 44 diatas, bagi pernyataan “kunjungan penuh dengan aktiviti yang berfaedah” ramai responden memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 129 orang (49%). Manakala bilangan responden memilih “Sangat Setuju” seramai 101 orang (38.4%) responden. Seterusnya, responden yang menjawab “Sederhana Setuju” seramai 30 orang (11.4%) dan bilangan responden yang memilih “Tidak Setuju” seramai dua orang (0.8%) dan akhir sekali bilangan responden yang memilih “Sangat Tidak Setuju” adalah seorang (0.4%). Jumlah peratusan yang paling tinggi adalah daripada responden yang memilih setuju. Oleh itu, pelawat yang melawat muzium Negeri Terengganu berpuas hati dengan aktiviti yang pihak muzium kendalikan dengan menarik. Jelaslah bahawa muzium Negeri Terengganu menyediakan aktiviti yang berfaedah sehingga dapat menarik perhatian pelawat untuk melawati muzium secara berulang kali.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus</b>
<b>Sangat Setuju</b>	100	38.0
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	1	0.4
<b>Sederhana Setuju</b>	33	12.5
<b>Setuju</b>	128	48.7
<b>Tidak Setuju</b>	1	0.4
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.45: Maklumat Tentang Sesuatu Pameran Memuaskan Saya

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 45 diatas, bilangan responden seramai 128 orang (48.7%) yang memilih skala “Setuju”. Manakala bilangan responden yang memilih “Sangat Setuju” seramai 100 orang (38%). Seterusnya responden yang memilih “Sederhana Setuju” adalah seramai 33 orang (12.5%) dan bilangan responden bagi “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju” adalah seorang (0.4%). Oleh itu maklumat tentang sesuatu pameran memuaskan hati responden kerana disetiap sudut pameran mempunyai maklumat yang mendalam dan mudah difaham oleh individu tidak mengira umur. Selain itu, pelawat yang hadir berpuas hati dengan pameran yang berada dalam keadaan tersusun dan bersih.oleh itu, ramai pelawat yang berpuas hati dan memilih setuju.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	98	37.3
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	2	0.8
<b>Sederhana Setuju</b>	41	15.6
<b>Setuju</b>	119	45.2
<b>Tidak Setuju</b>	3	1.1
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.46: Kakitangan Muzium Negeri Terengganu Mesra

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 46 diatas, untuk pernyataan “kakitangan muzium Negeri Terengganu mesra” pengunjung memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 119 orang (45.2%). Seterusnya bilangan responden menjawab “Sangat Setuju” seramai 98 orang (37.3%). Manakala bilangan responden bagi “Sederhana Setuju” seramai 41 orang (15.6%) responden. Untuk bilangan responden “Tidak Setuju” seramai tiga orang (1.1%) dan “Sangat Tidak Setuju” dua orang (0.8%) responden. Jumlah paling banyak dalam rajah diatas ialah setuju. Terdapat 119 orang responden (45.2%) dan bilangan responden yang kedua banyak ialah sangat setuju adalah seramai 98 orang (37.3%). Hal ini kerana, responden sangat berpuas hati dengan layanan staf di muzium Negeri Terengganu tersebut. Tetapi ada juga responden yang tidak berpuas hati dengan staf di

muzium Negeri Terengganu. Jadi, secara keseluruhannya staf pihak muzium mempunyai budi bicara yang baik dan mampu melayan semua pengunjung dengan baik.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	<b>112</b>	<b>42.6</b>
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	<b>2</b>	<b>0.8</b>
<b>Sederhana Setuju</b>	<b>31</b>	<b>11.8</b>
<b>Setuju</b>	<b>116</b>	<b>44.1</b>
<b>Tidak Setuju</b>	<b>2</b>	<b>0.8</b>
<b>Total</b>	<b>263</b>	<b>100.0</b>

Jadual 4.47: Kunjungan Berbaloi Dengan Wang Yang Dibelanjakan

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 47 diatas, bilangan responden paling tinggi bagi pernyataan “kunjungan berbaloi dengan wang yang dibelanjakan” ramai responden berpuas hati dan memilih skala “Setuju” sebanyak 116 orang (44.1%). Manakala bilangan responden yang menjawab “Sangat Setuju” seramai 112 orang (42.6%). Seterusnya, reponden yang menjawab “Sederhana Setuju” seramai 31 orang (11.8%) dan bilangan responden yang memilih “Tidak Setuju” dan “Sangat Tidak Setuju” masing-masing seramai dua orang (0.8%). Peratusan yang paling banyak adalah dari golongan responden yang memilih setuju. Hal ini kerana mereka bersetuju dengan harga yang ditawarkan oleh pihak muzium iaitu untuk orang dewasa

warganegara Rm5, manakala bagi kanak-kanak warganegara Rm2 sahaja. Tetapi untuk pelancong asing harganya sedikit berbeza iaitu dewasa Rm15 dan kanak-kanak Rm10.

<b>Pilihan Jawapan</b>	<b>Frekuensi</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Sangat Setuju</b>	108	41.1
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	1	0.4
<b>Sederhana Setuju</b>	27	10.3
<b>Setuju</b>	124	47.1
<b>Tidak Setuju</b>	3	1.1
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.48: Susun Atur Pameran Yang Mudah Difahami

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Seterusnya, bagi pernyataan “susun atur pameran mudah difahami” ramai responden memilih skala “Setuju” iaitu sebanyak 124 orang (47.1%) responden. Manakala bilangan responden yang memilih “Sangat Setuju” seramai 108 orang (41.1%) responden. Seterusnya, responden yang memilih “Sederhana Setuju” seramai 27 orang (10.3%) dan responden yang memilih “Tidak Setuju” seramai tiga orang (1.1%). Yang terakhir “Sangat Tidak Setuju” seorang (0.4%) responden yang memilih. Oleh itu, pengurusan pihak muzium untuk susun atur pameran yang menarik pelawat dan mudah difahami. Hal ini kerana susunan yang teratur akan menyebabkan pelawat kerap melawati muzium. Jadi responden setuju sangat tinggi dalam pernyataan tersebut.

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
<b>Sangat Setuju</b>	111	42.2
<b>Sangat Tidak Setuju</b>	1	0.4
<b>Sederhana Setuju</b>	27	10.3
<b>Setuju</b>	124	47.1
<b>Tidak Setuju</b>	0	0
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.49: Maklumat Pada Setiap Sudut Mudah Difahami

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 49 diatas, pernyataan “maklumat pada setiap sudut mudah difahami” kebanyakan responden memilih skala “Setuju” sebanyak 124 orang (47.1%) responden. Manakala bilangan responden yang memilih sangat setuju seramai 111 orang (42.2%). Seterusnya responden sederhana “Setuju” seramai 27 orang (10.3%) responden dan responden yang memilih “Tidak Setuju” kosong dan “Sangat Setuju” seramai satu orang (0.4%). Responden memilih setuju adalah paling tinggi daripada skala yang lain. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengunjung yang datang ke muzium Negeri Terengganu ini berpuas hati dengan apa yang diperolei. Oleh disebabkan itu, ini adalah punca berlakunya kekerapan lawatan apabila wujudnya aktiviti yang berfaedah untuk dicuba seisi keluarga.

Berdasarkan kajian ini, faktor-faktor yang mempengaruhi lawatan tercapai kerana semua soalan dijawab dengan baik berdasarkan faktor kenapa mereka kerap ke muzium Negeri Terengganu (Terengganu, 2022). Berdasarkan kajian lepas, pihak muzium telah memainkan

peranan untuk mengekalkan kekerapan lawatan ini. Oleh itu, teori yang berkait dengan kajian ini adalah teori kepuasan pengguna. Hal ini terbukti kerana pengunjung berpuas hati dengan perkhidmatan atau layanan yang baik kepada mereka (Ir Harry, n.d.).

#### 4.4. Refleksi pengunjung

4.4.1 Adakah anda bercadang untuk mengunjungi Muzium Negeri Terengganu lagi pada masa akan datang?

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
<b>Tidak</b>	2	0.8
<b>Tidak Pasti</b>	13	4.9
<b>Ya</b>	248	94.3
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.50: Adakah Anda Bercadang Untuk Melawati Muzium Negeri Terengganu Lagi Pada Masa Akan Datang

Sumber:Kajian Lapangan, 2022

Berdasarkan jadual 50 diatas, bilangan responden yang memilih akan bercadang untuk mengunjungi muzium pada akan datang sebanyak 248 orang (94.3%) yang memilih “Ya”, manakala responden yang memilih “Tidak” akan mengunjungi muzium lagi seramai dua orang (0.8%) sahaja. Tetapi bagi responden yang menjawab “Tidak Pasti” seramai 13 orang (4.9%) responden. Namun, bagi yang menjawab tidak dan tidak pasti memberi sebab untuk tidak mengunjungi muzium. Sebab yang pertama ialah bergantung kepada pameran



yang akan datang. Yang kedua, beliau memberi cadangan supaya pihak muzium meningkatkan lagi kefahaman tentang sejarah dan budaya. Yang ketiga ialah disebabkan suasana di muzium memerlukan suasana yang cantik dan kreatif. Yang terakhir, ada juga responden berpendapat cukup sekali sahaja dan muzium bukan tempat untuk lepak namun kali kedua pergi susunan dan barang masih sama dan tiada perubahan. Oleh itu, kebanyakan pengunjung akan berkunjung lagi ke muzium Negeri Terengganu namun, pihak muzium perlu pengambil tidak atau mengubah suasana muzium supaya dapat menarik lagi pengunjung ke muzium.

4.4.2 Adakah anda akan mencadangkan muzium Negeri Terengganu kepada keluarga dan rakan

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
Tidak Pasti	4	1.5
Ya	259	98.5
Tidak	0	0
<b>Total</b>	263	100.0

Jadual 4.51: Adakah Anda Akan Mencadangkan Muzium Negeri Terengganu Kepada Keluarga Dan Rakan

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 51 diatas, bilangan responden yang akan mencadangkan muzium Negeri Terengganu ini kepada keluarga dan rakan seramai 259 orang (98.5%) responden. Manakala bagi yang “Tidak” akan bercadang adalah kosong dan bagi yang “tidak Pasti” seramai empat orang (1.5%). Bagi yang menjawab tidak pasti memberi alasan iaitu bahan yang di pameran sedikit. Hal ini disebabkan ramai responden yang berpuas hati dengan pameran yang ditunjuk oleh pihak muzium kepada pengunjung, jika mereka tidak berpuas hati sudah tentang mereka tidak akan mencadangkan kepada keluarga dan rakan.

#### 4.4.3 Adakah muzium Negeri Terengganu memberi pembelajaran yang meluas kepada anda

Pilihan Jawapan	Frekuensi	Peratus (%)
Tidak Pasti	6	2.3
Ya	257	97.7
Tidak	0	0
Total	263	100.0

Jadual 4.52: Adakah Muzium Negeri Terengganu Memberi Pembelajaran Yang Meluas Kepada Anda

Sumber: Kajian Lapangan,2022

Merujuk pada jadual 52 diatas, majoriti responden memilih “Ya” iaitu sebanyak 257 orang (97.7%) responden. Manakala untuk “Tidak” tiada responden yang memilih, tetapi bagi “Tidak Pasti” seramai enam orang (2.3%) responden. Hal ini terbukti hampir semua responden berpuashati dengan apa yang dipelajari di dalam muzium Negeri Terengganu ini. Hal ini kerana peranan muzium adalah untuk mendidik para pelajar mahupun bukan pelajar untuk memperelajari tentang sejarah dan Pendidikan tentang budaya dan sejarah-sejarah negara. Pameran muzium juga mengadakan pelbagai pameran mahupun tetap atau bergerak atas tujuan menyebarkan maklumat. Kaedah ini telah mewujudkan masyarakat yang berilmu dan kreatif.

#### 4.5 Kesimpulan

Daripada hasil dapatan kajian yang telah dijalankan keatas semua objektif telahpun tercapai. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu. Faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu adalah mereka yang membawa anak-anak dan pelajar ke muzium untuk menambah ilmu pengetahuan dan pendedahan awal kepada golongan mereka. Kategori yang paling tinggi kunjungan adalah kategori fasilitator. Daripada kajian yang dijalankan muzium Negeri Terengganu perlu meningkatkan promosi dalam menyebarkan maklumat kepada pengunjung dan masyarakat. Pihak muzium perlu memperluaskan lagi promosi melalui media massa kerana ia dapat membantu meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang perkembangan muzium negeri ini.

## BAB LIMA

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini telah membincangkan dan juga merumus dapatan kajian yang diperolehi dan telah menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan ini telah menyentuh keseluruhan topik iaitu bab satu hingga bab lima untuk memastikan faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu. Seterusnya pengkaji telah mengambil masa lama untuk memperolehi data daripada responden. Hal ini kerana kebanyakan responden tidak menjawab soal selidik ini melalui platform media sosial dan di ruangan *Facebook* Rasmi Muzium Negeri Terengganu dan *Instagram*. Oleh itu, kajian ini telah melibatkan banyak pihak untuk menjayakan dan dapat melaksanakan kajian ini dengan lancar dan baik.

Secara kesimpulannya daripada bab satu ialah membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Latar belakang kajian, pengkaji telah meletakkan di Muzium Negeri Terengganu yang berada di Kuala Terengganu. Manakala untuk permasalahan kajian pula, pihak muzium perlu menghadkan jumlah penjung dalam satu masa, kekerapan lawatan mempengaruhi factor kewangan dan artifak akan mengalami kemerosotan dari segi perubahan warn a jika berlakunya kekerapan lawatan ini sehingga masa untuk merehatkan artifak tidak berlaku. Oleh itu, pengkaji telah mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu. Seterusnya pula adalah kepentingan kajian ini adalah kepada individu, masyarakat, Pendidikan, dan muzium.

Manakala bab dua pula membincangkan tentang sorotan kajian. Bab ini membincangkan tentang kajian-kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan faktor-faktor

yang mempengaruhi kekerapan lawatan ke muzium dan kategori-kategori pelawat yang gemar berkunjung ke muzium. Pengkaji juga mengkaji lima kategori lawatan dan setiap perbezaan kategori tersebut. Kajian ini amat mementingkan sorotan kajian untuk dijadikan sebagai rujukan dan juga menjadikan kajian ini mempunyai sumber rujukan yang sahih dalam setiap perkataan yang ditulis.

Di dalam bab ketiga ini, pengkaji telah menghuraikan berkenaan kaedah yang digunakan untuk membuat analisis pengumpulan data. Seterusnya pengkaji telah mengkaji kaedah apa yang hendak digunakan untuk menjalankan kajian ini. Pengkaji menggunakan teknik pensampelan kebarangkalian yang akan melibatkan responden yang dipilih secara rawak responden yang berkunjung ke muzium dan pengkaji berkongsi *link google form* melalui *Whatsapp, Facebook dan Instagram*. Pengkaji juga merujuk daripada kajian lepas yang mempunyai kaitan dengan kekerapan lawatan dan kategori lawatan.

Seterusnya di dalam bab empat, pengkaji telah membuat analisis pengumpulan data dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Pengkaji mengedarkan *QR code* kepada pelawat yang berkunjung muzium dan juga pelawat daripada atas talian. Sebagai contoh di facebook Rasmi Muzium Negeri Terengganu dan juga kepada pelawat yang datang secara bersemuka di Muzium Negeri Terengganu. Pengkaji memilih untuk menggunakan satu kaedah sahaja untuk memastikan jawapan soal selidik yang dijawab oleh responden berkait dengan kajian. Pengkaji telah mengemukakan 4 bahagian di dalam *google form*. Bahagian A berkaitan dengan sosio demografi, bahagian B kategori lawatan, bahagian C faktor kekerapan lawatan dan bahagian D refleksi pengunjung. Bahagian ini semua menjawab kepada kedua-dua objektif. Di setiap soal selidik yang diedarkan telah menjawab kedua-dua objektif kajian, yang pertama mengkaji kategori pelawat yang berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu. Kategori pelawat yang berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu adalah kategori daripada peneroka yang paling tinggi. Hal ini kerana golongan ini tinggi disebabkan mereka minat

menjelajah muzium, mereka juga minat melihat koleksi yang muzium Negeri Terengganu pameran, dan golongan ini ingin mengetahui koleksi yang terdapat di muzium Negeri Terengganu. Golongan peneroka ini tidak semestinya berkunjung ke muzium secara bersendirian tetapi ada juga berkunjung ke muzium bersama pasangan dan ahli keluarga. Walaupun golongan peneroka kerap ke muzium yang sama, mereka masih tidak bosan dengan pameran yang dipamerkan. Selain itu, objektif kedua pengkaji adalah menganalisis faktor kekerapan lawatan pengunjung ke Muzium Negeri Terengganu. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pengunjung kerap ke muzium Negeri Terengganu. Antaranya adalah disebabkan bahagian disetiap galeri yang menarik minat mereka, muzium Negeri Terengganu mengikut peredaran zaman, ruang di muzium Negeri Terengganu selesa, pameran meluaskan pengetahuan, mempunyai aktiviti yang berfaedah, maklumat pada sesuatu pameran memuaskan, susun atur pameran mudah difahami, dan maklumat pada setiap koleksi mudah difahami dan sebagainya. Faktor yang mempengaruhi kekerapan lawatan pengunjung ke muzium Negeri Terengganu adalah disebabkan mereka ingin mendapat pengetahuan yang meluas tentang sesuatu pameran dan setiap kali berkunjung ke muzium mereka akan melakukan aktiviti yang berfaedah. Faktor ini yang mempunyai pengunjung yang ramai iaitu untuk aktiviti yang berfaedah bagi skala setuju seramai 129 ataupun (52%) dan bagi sangat setuju 100 orang ataupun (36%). Manakala bagi maklumat pameran yang memuaskan seramai 128 orang bagi skala setuju ataupun (51%) dan bagi sangat setuju seramai 99 orang ataupun (36%) responden.

## 5.1 Cadangan

Daripada kajian ini muzium Negeri Terengganu mempunyai tarikkan tersendiri daripada muzium-muzium lain. Pihak muzium perlu mencari jalan untuk menarik minat ramai lagi anak-anak muda untuk berkunjung ke muzium. Hal ini kerana anak-anak muda sekitar umur 13 – 17 tahun adalah seramai 6 orang sahaja yang ke berkunjung ke muzium Negeri Terengganu. Oleh itu, pengkaji bercadangkan kepada pihak muzium perlu melakukan inisiatif untuk menarik minat anak-anak muda generasi sekarang. Pihak muzium juga boleh berkejasama dengan pihak-pihak sekolah untuk mendedahkan kepada pelajar tentang artifak yang perlu dijaga. Pihak muzium juga boleh melakukan aktiviti kebudayaan untuk menarik pengunjung untuk ke muzium Negeri Terengganu. Hal ini kerana aktiviti ini mampu memberi kesedaran kepada pengunjung bahawa pentingnya budaya masyarakat kita pada zaman dahulu. Selain itu, pihak muzium juga perlu meningkatkan lagi promosi untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat tentang kewujudan muzium Negeri Terengganu. Pihak muzium boleh mempromosikan muzium melalui media massa kerana ia dapat meningkatkan kesedaran kepada masyarakat tentang perkembangan di muzium Negeri Terengganu. Hal ini kerana, kebanyakan masyarakat tidak mempunyai masa lapang untuk melayari laman web Rasmi Muzium Negeri Terengganu dalam internet.



## 5.2 Penutup

Secara rumusnya, setiap muzium mempunyai kategori pelawat dan faktor kekerapan lawatan yang berbeza sama ada luar negara atau dalam negara. Pihak muzium perlu lebih kreatif dalam merancang pengurusan untuk menarik pelbagai lagi kategori pelawat. Oleh itu, pengurusan dalam sesebuah muzium sangatlah penting dalam memajukan sesebuah muzium. Pengurusan yang baik akan mengatasi segala masalah walaupun muzium mengalami masalah. Seterusnya pengkaji berharap pihak muzium memperluaskan lagi artifak di muzium supaya pihak muzium mempunyai pegunjung yang pelbagai kategori yang berkunjung.

**BILIOGRAFI**

Ahmad Zainudin, S. A. (n.d.). *Pemeliharaan Artifak*.

Ain, N., Binti Hamzah, N., Sarjana Muda, I., Gunaan, S., Kreatif, D., & Kepujian, D. (n.d.).  
*Pengurusan Koleksi Kain Limar di Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT)*.

Aziz, I. N. (n.d.). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kedatangan Pengunjung Ke Muzium Sabah*.

Azwar. (1998). *Data Primer*.

Farid, A., Jalal, A., Fiqh, J., Akademi, U., Islam, P., Affandi, R., Rahim, A., Yusuf, M.,  
Broughton, A. A., & Alias, A. W. (2020). Muzium Dan Kedaulatan Institusi Beraja di  
Malaysia. In *Jurnal 'Ulwan 'Ulwan's Journal Jilid* (Vol. 5, Issue 1).

Farid, A., Jalal, A., Yusuf, A., Faisal, A., Hamid, A., Affandi, R., Rahim, A., Muzium, K.,  
Di, B., Sejarah, J., Islam, T., Islam, A. P., Kunci, K., Baru, M., Sejarah, A., Malaysia,  
M., & Kolonial, P. (2019). Kesedaran Muzium Baru di Malaysia Awareness of New  
Museums in Malaysia. In *Malaysia* (Vol. 2).

Fathi Yakan. (1999). *Fiqh Al-Siyahah Fi Al-Islam*.

Fitriana, R., Rahmitasari, N., & Yoseli, M. (2020). Analisis Motivasi Pengunjung Museum  
Macan Jakarta. In *Jurnal Ilmiah Pariwisata* (Vol. 25, Issue 1).

Imej, G. (2010, September 30). *Pelancongan Terengganu: Muzium Negeri Terengganu*.

<http://pelancongan-terengganu.blogspot.com/2010/09/muzium-negeri-terengganu.html#>

Ir Harry, L. (n.d.). *Teori Sosial | Ir Harry Lancer*. Retrieved June 1, 2022, from

[https://www.academia.edu/6297451/Teori\\_Sosial](https://www.academia.edu/6297451/Teori_Sosial)

John, F. (2009). *My 8 types of museum visitors tool*. <https://forartsake-uk.medium.com/the->

museum-audience-segmentation-my-8-types-of-museum-visitors-tool-fe5e325e8321

Kastenholz, E., Eusébio, C., & Carneiro, M. J. (2013). Studying factors influencing repeat visitation of cultural tourists. *Journal of Vacation Marketing*, 19(4), 343–358.

<https://doi.org/10.1177/1356766713478297>

Kerajaan Negeri Terengganu. (2023, February 19). *Portal Kerajaan Terengganu* .

<https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/arkib/berita-utama/722-dijangka-1-5-juta-pelancong-ke-terengganu>

Krejcie, R. V. (1970). *Determining Sampel Siza For Research Activities* (Vol. 30).

Latifah. (2015, August 9). *Pelajar Ke Muzium*. Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/08/73386/strategi-pancing-pelajar-kunjungi-muzium>

Maps, G. (2022, January 2). *Google Maps*.

<https://www.google.com/maps/place/6°11'20.3%22N+102°16'41.1%22E/@6.188968,102.278073,17z/data=!4m6!3m5!1s0!7e2!8m2!3d6.1889684!4d102.2780733>

Mohd Zaini, K. A. (2021, June 20). *FASILITATOR*. Cemerlang Belajar.

<https://kamarulazami.blogspot.com/2020/06/fasilitator-ketua-guru-atau-teman.html>

Mustafa, M. A. (2015). *Penerimaan masyarakat terhadap Institusi muzium*.

*Muzium Negeri Terengganu*. (2022). Muzium Negeri Terengganu.

<https://www.angelfire.com/mt/muzium/sejarah.htm>

Putra, S. W., & Yusiana, R. (n.d.). *Analisis Bauran Promosi Menggunakan Metod Swot*.

Rachel, L. (n.d.). Kepentingan Sektor Pelancongan. *Scribd*. Retrieved June 26, 2022, from

<https://www.scribd.com/document/490811449/Kepentingan-Sektor-Pelancongan>

Richards. (2007). *Tourism, Creativity and Development*.

Sabitha. (2006). *Reka Bentuk Kajian*.

[https://www.scribd.com/embeds/234887688/content?start\\_page=1&view\\_mode=scroll&access\\_key=key-fFexxf7r1bzEfWu3HKwf](https://www.scribd.com/embeds/234887688/content?start_page=1&view_mode=scroll&access_key=key-fFexxf7r1bzEfWu3HKwf)

Suci Wulandari. (n.d.). *Analisis faktor-faktor yang mempengaruhi keinginan berkunjung ke museum dan implikasinya terhadap strategi pemasaran museum Suci Wulandari*.

Terengganu, M. N. (2022, June 17). *Muzium Negeri Terengganu*. Muzium Negeri

Terengganu. <https://museum.terengganu.gov.my/index.php/muzium/sejarah-pembinaan-muzium>

The Museumers. (2012). Maksud Muzium. *Maksud Muzium*.

Ugong, N. A., Bala, B., Bee, B., & Bee, B. (2018). *Istilah Permuziuman*.

Yuslalaintan. (2015, March 31). *Metodologi Kajian*.

<https://yuslalaintan.wordpress.com/2015/03/31/bab-3-metodologi-kajian/>

Zainol, N. L. S. (n.d.). Pengurusan koleksi tekstil Muzium Negeri Terengganu. 2021.

Zainol, N. L. S. (2021). *Kajian Tentang Pengurusan Koleksi Tekstil di Muzium Negeri Terengganu*. 1–82.


Zulkifli, A. R. (, June). Muzium Negeri Terengganu hadkan 200 pengunjung pada satu masa.

*Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/06/701011/muzium-negeri-terengganu-hadkan-200-pengunjung-pada-satu-masa>

Zulkifli, M. A. H. (2017). *Strategi Pemasaran Pamera Muzium: Kajian Kes Muzium*

*Kesenian Islam Malaysia. Strategi Pemasaran Pameran Muzium*, 1–90.

APPENDIX A



Gambar 3: Buku laporan tahunan Muzium

Negeri Terengganu


Sumber: Kajian Lapangan, 2022



Gambar 4: Qr Code soal selidik yang diedarkan di Muzium Negeri Terengganu

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

APPENDIX B



Gambar 5: Surat kebenaran daripada Universiti Malaysia Kelantan  
Sumber: Universiti Malaysia Kelantan, 2022

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**TAJUK: FAKTOR YANG MEMPENGARUHI KEKERAPAN LAWATAN  
PENGNJUNG KE MUZIUM NEGERI TERENGGANU**

Soalan Soal Selidik

Saya merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian dari Universiti Malaysia Kelantan.

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji faktor-faktor kekerapan lawatan pengunjung ke Muzium Negeri Terengganu. Penyertaan anda akan menyumbang kepada kejayaan tinjauan yang dilaksanakan. Saya amat menghargai bantuan anda dalam mengambil bahagian dalam tinjauan ini, dan jawapan anda akan digunakan hanya untuk tujuan akademik sahaja.

Terima Kasih.

Nama Penyelia: Dr. Suraya Binti Sukri

Nama Pelajar: Asma' Binti Wan Mohd Sis

**Bahagian A: Latar Belakang Pelawat**

## 1. Umur

- 13 - 17 tahun ( )
- 18 - 22 tahun ( )
- 23 - 27 tahun ( )
- 28 - 32 tahun ( )
- 33 - 37 tahun ( )
- 38 - 42 tahun ( )
- 43 - 47 tahun ( )
- 48 dan keatas ( )

## 2. Jantina

- Lelaki ( )
- Perempuan ( )

## 3. Status

- Bujang ( )
- Berkahwin ( )

## 4. Bangsa

- Melayu ( )
- Cina ( )
- India ( )
- Dan lain-lain: ( )



5. Tahap Pendidikan

- Sekolah Rendah ( )
- Sekolah Menengah ( )
- Universiti ( )
- Tidak berpendidikan ( )

6. Pekerjaan

- Tidak Bekerja ( )
- Kerja Sendiri ( )
- Kakitangan Awam ( )
- Kakitangan Swasta ( )

**BAHAGIAN B: Kategori pelawat yang berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu.**

1. Adakah anda pernah mengunjungi Muzium Negeri Terengganu ini?

- Ya ( )
- Tidak ( )

2. Berapa kalikah anda pernah mengunjungi Muzium Negeri Terengganu?

- Tidak Pernah ( )
- 1 - 3 kali ( )
- 4 - 7 kali ( )
- 8 dan keatas ( )
- Tidak Pernah ( )

3. Dengan siapakah anda mengunjungi Muzium Negeri Terengganu?

- Sendiri ( )
- Rakan ( )
- Kumpulan sekolah ( )

- Kumpulan Universiti ( )
- Pasangan ( )
- Kumpulan pelancong ( )
- Ahli keluarga ( )
- Dan Lain-lain:

4. Jenis pengangkutan anda ke Muzium Negeri Terengganu

- Kereta ( )
- Teksi ( )
- Grab ( )
- Bas ( )
- Motosikal ( )
- Lain – lain:

5. Bagaimana anda mengetahui tentang Muzium Negeri Terengganu?

- Surat khabar ( )
- Laman web Muzium Negeri Terengganu ( )
- Ahli keluarga ( )
- Kenalan ( )
- Papan tanda ( )

6. Adakah anda berpuas hati tentang maklumat setiap sudut galeri yang di sampaikan?

- Ya ( )
- Tidak ( )

7. Adakah muzium Negeri Terengganu ini memberi manfaat kepada pengunjung yang melawati muzium tersebut?

- Ya (     )
- Tidak (     )

**BAHAGIAN B.1: Kategori pelawat yang berkunjung ke Muzium Negeri Terengganu.**

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju

<b>PENEROKA</b>	1	2	3	4	5
Saya berminat menjelajah koleksi dalam Muzium Negeri Terengganu.					
Saya berminat melihat koleksi yang dipamerkan.					
Saya ke Muzium Negeri Terengganu kerana ingin mengetahui koleksi yang terdapat di muzium.					
Saya hanya suka membaca label dan meluangkan masa saya dalam pameran sahaja.					
Saya ke muzium kerana saya suka akan suasana di dalam muzium.					

<b>FASILITATOR</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Saya membawa anak-anak ke muzium untuk menyiapkan kerja sekolah.					
Saya suka membawa kawan-kawan saya ke muzium.					
Saya membawa lawatan sekolah ke muzium untuk para pelajar lebih mengetahui tentang artifak.					
Saya membawa anak-anak untuk mencari pengalaman baru di muzium.					
Saya membawa pelajar kerana terdapat pelbagai aktiviti di muzium.					

<b>PENCARI PENGALAMAN</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Saya melawati muzium untuk mencari pengalaman baru.					
Saya suka menghabiskan masa dan tenaga saya untuk melihat pameran.					
Saya suka melakukan aktiviti semasa berada di muzium.					
Saya suka mengambil gambar di muzium.					
Saya focus kepada sesetengah koleksi yang menarik perhatian saya.					

<b>PROFESIONAL</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Saya ke muzium kerana muzium mempunyai kaitan dengan bidang pengajian saya.					
Saya ke muzium untuk belajar lebih mendalam tentang koleksi yang dipamerkan.					
Saya ke muzium kerana mempelajari dan mencari jawapan dalam soalan yang ditugaskan.					
Saya ke muzium kerana mempunyai idea tentang sesuatu koleksi.					
Saya ke muzium kerana ingin menyiapkan kajian lapangan saya.					

<b>Pengecasan Semula/Recharger</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Saya melawat muzium disebabkan inginkan ketenangan minda.					
Saya melawati muzium kerana cara susunan objek yang menenangkan saya.					
Saya melawati muzium kerana ingin menghabiskan masa di kafe muzium.					
Saya selalu duduk dan meluangkan masa saya di galeri.					
Saya tidak membaca label tetapi saya menghabiskan masa melihat koleksi yang dipamerkan.					

MALAYSIA

---

KELANTAN

**BAHAGIAN C: FAKTOR KEKERAPAN LAWATAN PENGUNJUNG KE  
MUZIUM NEGERI TERENGGANU**

1. Bahagian manakah yang menarik minat anda ke Muzium Negeri Terengganu?

- Galeri Tekstil (    )
- Galeri Kraf (    )
- Galeri Di Raja (    )
- Galeri Islam (    )
- Galeri sejarah (    )
- Galeri Sumber Alam & Ekonomi (    )
- Galeri Pelayaran & Perdagangan (    )
- Galeri Perikanan & Taman Laut (    )

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

1	2	3	4	5
Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju

<b>PENYATAAN</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
Bahagian manakah yang menarik minat anda ke Muzium Negeri Terengganu?					
Pameran di Muzium Negeri Terengganu mengikut peredaran zaman.					
Adakah ruang di dalam Muzium Negeri Terengganu besar dan selesa?					
Pameran ini meluaskan pengetahuan saya.					
Kunjungan penuh dengan aktiviti yang berfaedah.					
Maklumat tentang sesuatu pameran memuaskan saya.					
Kakitangan Muzium Negeri Terengganu mesra.					
Kunjungan berbaloi dengan wang yang dibelanjakan.					
Susun atur pameran yang mudah difahami.					
Maklumat pada setiap mudah difahami					

MALAYSIA  
KELANTAN

**BAHAGIAN D: REFLEKSI PENGUNJUNG TERHADAP MUZIUM NEGERI  
TERENGGANU**

1. Adakah anda bercadang untuk mengunjungi Muzium Negeri Terengganu lagi pada masa akan datang?
  - Ya (     )
  - Tidak (     )
  - Tidak Pasti (     )
  
2. Adakah anda akan mencadangkan Muzium Negeri Terengganu kepada keluarga dan rakan?
  - Ya (     )
  - Tidak (     )
  - Tidak Pasti (     )
  
3. Adakah Muzium Negeri Terengganu memberi pembelajaran yang meluas kepada anda?
  - Ya (     )
  - Tidak (     )
  - Tidak Pasti (     )